



● BIL 267 ● 21 - 27 JUN 2024 ● PP1944/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

TINDAKAN *Saksama*

Aidiladha mewarnai
kehidupan
>> 7

Pornografi
hakis sel otak
>> 9 - 11

Penulis
perlu berani
>> 15

Ubah landskap ekonomi negara

BRICS buka lembaran baharu buat Malaysia

SYED HAZIQUE

PENYERTAAN Malaysia dalam blok ekonomi organisasi antara kerajaan BRICS (Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan) akan memberi impak yang positif kepada negara dalam pelbagai aspek.

Setiausaha Agung Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATTA), **Dr Mohd Fairuz A Razak** berkata ia memberi gambaran bahawa Malaysia sedia membina rakan strategik yang lebih pelbagai.

Malah menurut Mohd Fairuz, ia juga dapat mengurangkan kebergantungan negara ke atas dolar Amerika Syarikat dalam urusan perdagangan.

“Penglibatan Malaysia ke BRICS secara tidak langsung akan mengubah landskap ekonomi negara khususnya dalam sektor perdagangan.

“Ia juga dapat melindungi negara daripada perubahan dalam dasar monetari dan turun naik mata wang Amerika Syarikat sekali gus mengukuhkan juga mata wang negara,” katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Tambah Mohd Fairuz, negara seperti China juga merupakan antara rakan dagang terbesar Malaysia menunjukkan keyakinan terhadap ekonomi negara.

Jelasnya, fleksibiliti BRICS juga membolehkan Malaysia mengekalkan pendirian serta bebas memilih.

“Persekitaran ekonomi BRICS lebih memihak kepada negara kita berbanding sekarang di mana mampu menjadi pemangkin dalam membina ekonomi yang lebih stabil.

“Kita memerlukan rakan dagangan yang lebih banyak dengan kepercayaan daripada negara-negara besar juga adalah antara prospek-prospek penting untuk meyakinkan pelabur-pelabur antarabangsa.

“Malahan Malaysia juga mampu mengeksport barangan ke luar dengan lebih senang memandangkan BRICS banyak dianggotai negara-negara dari benua Asia,” katanya.

Mohd Fairuz turut menegaskan perkembangan BRICS ini jelas menunjukkan usaha Malaysia untuk mengembangkan ekonomi negara ke serantau dunia dan meletakkan Malaysia setaraf atau bersaing dengan negara-negara maju yang lain.

“Ia tidak menghairankan kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terus mencari jalan penyelesaian terbaik bagi membangunkan serta memulihkan ekonomi negara untuk berdiri seiring atau bersaing bersama negara-negara lain,” ujarnya.

BRICS yang ditubuhkan pada 2009 berperanan sebagai platform kerjasama ekonomi sedang pesat membangun yang merangkumi Brazil, Rusia, India dan China manakala Afrika Selatan menyertai kumpulan tersebut pada 2010.

BRICS mengembangkan keahliannya merangkumi Mesir, Ethiopia, Iran dan Emiriah Arab Bersatu.

Malah, BRICS kini menyumbang satu perempat daripada ekonomi global merangkumi satu perlima daripada perdagangan global dengan populasi mewakili kira-kira



BLOK ekonomi organisasi antara kerajaan BRICS akan memberi impak positif kepada negara. - Gambar hiasan

40 peratus penduduk dunia.

Terdahulu, media melaporkan, dalam wawancara bersama pengasas media China Guancha, Li Shimo, Anwar menyatakan Malaysia akan memulakan prosedur rasmi untuk menyertai BRICS.

Malah, baru-baru ini Anwar juga mengesahkan telah menyatakan hasrat untuk menyertai organisasi antara kerajaan, BRICS kepada

Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva.

Sementara itu, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata Malaysia terbuka untuk menyertai blok ekonomi organisasi antara kerajaan BRICS.

“Kita akan tunggu untuk mulakan perbincangan selanjutnya

mengenai BRICS seperti dinyatakan oleh Perdana Menteri,” katanya.

Selain itu, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata antara faktor Malaysia mahu menyertai BRICS adalah bagi membolehkan ruang menyuarakan pelbagai isu di peringkat antarabangsa dapat dilakukan dengan lebih efektif. 📌

Penurunan harga telur beri kelegaan kepada pengguna

PENURUNAN harga telur bagi gred A, B dan C sebanyak 3 sen di pasaran membawa kelegaan kepada golongan peniaga serta pengguna di seluruh negara.

Timbalan Presiden Pertubuhan Mesra Pengguna Malaysia, **Azlin Othman** berkata kerajaan dilihat proaktif memastikan harga-harga barang kawalan tiada pencatutan.

Menurut Azlin, langkah penurunan harga juga mampu memberi kemudahan atau kesenangan kepada golongan peniaga dan pengguna apatah lagi di kala sambutan Hari Raya Aidiladha baru-baru ini.

“Penurunan harga sememangnya memberi kesan kepada semua pihak khususnya kepada peniaga-peniaga kecil termasuk golongan pengguna.

“Rata-rata peniaga menyifatkan harga baharu telur dapat membantu mengurangkan kos

perniagaan mereka,” katanya ketika dihubungi.

Sehubungan dengan itu, jelas Azlin, inisiatif daripada kerajaan itu juga dapat memberi keuntungan kepada para peniaga.

“Apabila kerajaan mengurangkan harga kos barang mentah, ia sekali gus dapat memberikan keuntungan kepada para peniaga.

“Malah ia juga dapat mengurangkan masalah kewangan kepada golongan-golongan berpendapatan rendah khususnya kepada pembeli dalam kuantiti yang banyak,” ujarnya.

Azlin turut menyatakan pada masa kini bekalan telur yang terdapat di pasaran masih lagi stabil.

“Jika dilihat tiada isu telur sejak

kebelakangan ini, apa yang boleh dikatakan bekalan telur di pasaran mencukupi dan stabil.

“Ini merupakan satu petanda aras yang positif demi menjaga hak pengguna di seluruh negara.

“Kita juga dapat lihat baru-baru ini khususnya semasa perayaan tiada pembelian panik ketika kerajaan mengumumkan penurunan harga telur di pasaran,” katanya.

Dalam pada itu, Azlin memberitahu dia berharap kerajaan dapat melakukan penguatkuasaan bagi mengelakkan daripada pencatutan harga daripada pihak tidak bertanggungjawab.

“Saya harap pihak kerajaan

juga boleh fokus kepada barangan kawalan lain bagi mengelakkan pembaziran subsidi terutamanya kepada barangan asas.

“Kerajaan juga perlu memastikan harga barang terkawal dengan mengadakan penguatkuasaan serta memantau agar tiada pihak yang mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya,” katanya.

Baru-baru ini media melaporkan, kerajaan memutuskan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiju selaras usaha mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kini harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C masing-masing turun kepada 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebiju. 📌



PENURUNAN harga memberi kemudahan kepada golongan peniaga dan pengguna.



AZLIN

Malaysia negara pertama tawar ganjaran

AZLAN ZAMBRU

MENAWARKAN ganjaran wang tunai kepada penjawat awam yang melaporkan rasuah dalam jabatan atau agensi disifatkan sebagai satu strategi untuk memerangi dan mengurangkan amalan tidak beretika. Ia sekali gus dapat membantu mendedahkan amalan yang mungkin kekal tersembunyi berikutan khuatir terdapat tindakan balas yang menjejaskan kehidupan pengadu.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Kajian Pembangunan Universiti Malaya (UM), **Dr Mohamad Tawfik Yaakub** berkata langkah yang diambil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan tindakan tepat dalam usaha menghapuskan amalan berkenaan hingga ke akar umbi.

Katanya, tindakan tersebut yang turut akan memburu penerima dan pemberi rasuah dilihat sebagai usaha bersepadu yang mampu menurunkan kadar rasuah di negara ini secara drastik.

“Tidak ada negara lain yang memberi ganjaran kepada penjawat awam secara khusus

seperti Malaysia lakukan.

“Negara kita yang pertama di dunia melaksanakan ganjaran kepada penjawat awam dan dimaklumkan secara terbuka usaha ini bagi menggalakkan pelaporan rasuah serta menghapuskan jenayah ini secara total.

“Namun ganjaran kepada pengadu bukan penjawat awam telah juga dirintis oleh beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Kanada. Justeru kita terkehadapan dalam usaha ini,” katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Tawfik turut menyatakan keyakinan bahawa penjawat awam menerima dengan gembira berita tersebut dan ia mampu mengubah sikap terhadap usaha membasmi rasuah.

“Strategi yang dilaksanakan ini mampu mewujudkan perasaan menolak rasuah yang lebih kuat dalam sektor awam,” katanya.

Beliau berkata, meskipun bakal terdapat segelintir penjawat awam yang masih terlepas dan berpotensi merosakkan nama sektor awam namun golongan tersebut akan lebih berhati-hati dalam bertindak kerana mereka sedang diperhatikan oleh semua.

“Saya yakin jumlah peratusan segelintir penjawat awam bermasalah tersebut tidaklah besar tetapi langkah SPRM ini tepat pada masanya dan wajar disambut baik oleh semua pihak.

“Usaha ini juga dapat melancarkan operasi pejabat kerajaan dan mewujudkan tatakelola yang amat baik pada masa kini,” katanya.

Terdahulu Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Tan Sri Azam Baki mengumumkan penjawat awam yang melaporkan kes rasuah sehingga membawa kepada sabitan boleh diberi ganjaran wang tunai.

Azam berkata pemberi maklumat kepada kerajaan akan diberi ganjaran sama seperti tawaran suapan kerana membantu dalam membanteras kegiatan rasuah.

“Ringgit untuk ringgit, jika anda ditawarkan RM100, kerajaan akan beri anda RM100. Jika anda ditawarkan RM1 juta, kerajaan akan kembalikan RM1 juta kepada anda,” katanya ketika tampil dalam sebuah program radio tempatan.

Azam berkata, melalui dasar sedia ada, seramai 514 penjawat awam sudah diberi ganjaran berjumlah lebih RM1 juta antara 2012 hingga 2023 kerana melaporkan kes rasuah yang membawa kepada sabitan.



TAWFIK

MCW sambut baik inisiatif SPRM

TAWARAN ganjaran wang tunai untuk penjawat awam yang melaporkan kesalahan rasuah disifatkan sebagai satu langkah positif, kata Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), **Jais Abdul Karim**.

Katanya, tawaran berkenaan itu bukan sahaja mendorong lebih ramai individu untuk melaporkan kes rasuah tetapi juga membantu membina budaya integriti dan ketelusan dalam perkhidmatan awam.

“Ganjaran ini juga menegaskan kepentingan peranan penjawat awam dalam usaha memerangi rasuah sekali gus dapat meningkatkan persepsi positif terhadap mereka,” katanya.

Jais berkata penjawat awam atau mana-mana pihak tidak perlu khuatir untuk mengambil tindakan melaporkan jenayah rasuah berikutan mereka dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

“Akta ini memastikan identiti pemberi maklumat dirahsiakan dan melindungi mereka daripada sebarang tindakan balas atau diskriminasi.

“Perlindungan ini penting untuk memastikan bahawa

penjawat awam berasa selamat dan yakin untuk melaporkan kesalahan rasuah tanpa takut berhadapan kesan negatif terhadap kerjaya atau keselamatan mereka,” katanya.

Menurut Jais, pihaknya bekerjasama rapat dengan SPRM dan agensi kerajaan lain melalui pelbagai inisiatif, termasuk perkongsian maklumat, kempen kesedaran dan program latihan.

“MCW juga menyediakan sokongan dan nasihat kepada penjawat awam yang ingin melaporkan rasuah bagi memastikan bahawa laporan mereka diambil serius dan disiasat dengan teliti.

“Melalui kerjasama ini, MCW membantu memastikan bahawa tindakan sewajarnya diambil terhadap kes rasuah yang dilaporkan,” katanya.

Jais berkata antara contoh kejayaan ialah apabila laporan rasuah oleh penjawat awam di sebuah jabatan telah membawa kepada penahanan dan pendakwaan beberapa pegawai kanan yang terlibat.

“Kes tersebut membawa kepada pembaharuan prosedur dalaman jabatan tersebut serta meningkatkan ketelusan dan

akauntabiliti dalam pengurusan kewangan dan proses pentadbiran.

“Kejayaan ini menunjukkan keberkesanan skim ganjaran dan kepentingan peranan pemberi maklumat dalam menegakkan integriti dalam perkhidmatan awam,” katanya.

Beliau berkata MCW memberi sokongan moral dan nasihat undang-undang kepada pemberi maklumat yang tampil bekerjasama dengan SPRM untuk memastikan perlindungan yang diberi berkesan selari di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat.

“MCW turut berperanan meningkatkan kesedaran tentang hak dan perlindungan yang tersedia untuk pemberi maklumat melalui kempen pendidikan dan latihan dan memastikan laporan yang diterima disiasat dengan teliti dan tindakan diambil dengan segera untuk mengelakkan kes rasuah berulang,” katanya.

Dalam pada itu, Jais berkata penjawat awam yang mempunyai kesedaran tinggi untuk melaporkan amalan rasuah di agensi atau jabatan masing-masing perlu mengambil langkah tertentu seperti mengumpulkan dan menyediakan bukti sokongan yang relevan untuk membantu siasatan,” katanya.



JAIS

STATISTIK TANGKAPAN SPRM

BULAN	SEKTOR	BIL	PERATUS
JANUARI 2024	Penjawat Awam	27	21.60%
	Pengurusan Tertinggi	1	
	Pengurusan dan Profesional	9	
	Sokongan	17	
	Awam	98	78.40%
	Swasta	76	
	Orang Awam	21	
	Lain-lain	1	
	JUMLAH	125	100.00%
FEBRUARI 2024	Penjawat Awam	46	34.85%
	Pengurusan Tertinggi	0	
	Pengurusan dan Profesional	23	
	Sokongan	23	
	Awam	86	65.15%
	Swasta	48	
	Orang Awam	34	
	Lain-lain	4	
	JUMLAH	132	100.00%
MAC 2024	Penjawat Awam	72	47.68%
	Pengurusan Tertinggi	0	
	Pengurusan dan Profesional	18	
	Sokongan	54	
	Awam	79	52.32%
	Swasta	63	
	Orang Awam	13	
	Lain-lain	3	
	JUMLAH	151	100.00%
APRIL 2024	Penjawat Awam	12	34.29%
	Pengurusan Tertinggi	0	
	Pengurusan dan Profesional	1	
	Sokongan	11	
	Awam	23	65.71%
	Swasta	16	
	Orang Awam	4	
	Lain-lain	3	
	JUMLAH	35	100.00%
MEI 2024	Penjawat Awam	91	65.94%
	Pengurusan Tertinggi	0	
	Pengurusan dan Profesional	18	
	Sokongan	73	
	Awam	47	34.06%
	Swasta	32	
	Orang Awam	10	
	Lain-lain	5	
	JUMLAH	138	100.00%
JUMLAH BESAR		581	



ANWAR menerima kunjungan Lawrence Wong di Seri Perdana, Putrajaya baru-baru ini.

Cadangan ambil guru bahasa Inggeris dari Singapura dikritik

Bukan lantikan tetapi sukarelawan

PELBAGAI komen sinis dilemparkan kepada Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim ekoran perbincangan beliau bersama Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong untuk menghantar guru-guru dari negara republik itu bagi mengajar bahasa Inggeris dan mata pelajaran lain di negara ini.

Perkara tersebut mendapat reaksi negatif segelintir netizen yang mendakwa Anwar lebih kepada mahu menjaga hati orang luar berbanding rakyat sendiri yang memerlukan pekerjaan.

Malah, mereka turut mengatakan graduan di negara ini terlalu ramai yang menganggur selain cadangan tersebut hanya

akan menyebabkan perbelanjaan kerajaan meningkat sekali gus menyebabkan pembaziran.

Tindakan menghentam tanpa memahami maksud sebenar PM hanya membuang masa sedangkan Anwar menjelaskan pengambilan guru bahasa Inggeris dari Singapura adalah dalam bentuk program sukarelawan melibatkan kerjasama kedua-dua negara.

Dalam masa sama, beliau turut membidas cakap-cakap belakang yang tidak bersetuju dengan tindakannya itu.

“Apa yang salah? Salahnya ialah kononnya kita sekarang akan melantik guru-guru bahasa Inggeris dari Singapura - itu salah.

“Yang saya bicarakan dengan PM Singapura ialah mengadakan

skim bantuan atau melantik seorang sukarelawan yang dibayar oleh pemerintah Singapura untuk pergi ke kawasan miskin bandar, desa pedalaman Sabah dan Sarawak untuk mengajar bahasa Inggeris,” katanya ketika berucap pada Himpunan Aspirasi MADANI Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) di Putrajaya baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau turut gembira apabila Lawrence menyatakan kesediaan untuk menimbangkan permintaan tersebut.

“Kami memang ada berbincang mengenai kemungkinan Singapura menimbangkan permintaan saya agar menghantar guru-guru bagi mengajar bahasa Inggeris atau

mata pelajaran lain ke beberapa kawasan di negara ini.

“Biarlah siswazah muda membuat pilihan sendiri (mata pelajaran mana yang hendak diajar) jika boleh.

“Perkara ini bukan sesuatu yang kami rangka terlebih dahulu menerusi pegawai-pegawai terlibat.

“Cuma, kita cuba buktikan bahawa adakalanya Perdana Menteri boleh buat keputusan tertentu sebelum memaklumkan kepada menteri berkaitan,” ujar beliau.

Terdahulu, Anwar menerima kunjungan Lawrence Wong di Seri Perdana, Putrajaya sempena kunjungan PM Singapura itu ke Malaysia buat kali pertama. 

Isu kos hidup rakyat terus ditangani

PENURUNAN harga telur sebanyak 3 sen yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini hangat diperkatakan di media sosial.

Rata-rata warganet mengecam tindakan Anwar kerana menganggap penurunan tersebut tidak memberi kesan kepada pengguna.

Malah rata-ratanya tetap tidak berpuas hati dan menuntut lebih lagi penurunan memandangkan isu penyasaran subsidi diesel masih lagi belum reda.

Segelintirnya bertindak keterlaluan tanpa memikirkan sensitiviti pihak lain dengan menjadikan isu telur ini sebagai bahan jenaka.

Sedangkan mereka perlu

tahu penurunan harga telur dilakukan semata-mata mahu mengurangkan beban yang ditanggung rakyat.

Penampungan subsidi keperluan makanan rakyat sebanyak 10 sen bagi sebiji telur ayam ini melibatkan perbelanjaan RM100 juta, manakala pada tahun 2023 peruntukan subsidi telur ayam adalah sebanyak RM927 juta.

Anwar sebelum ini berkata kerajaan juga telah meminta pengeluar telur untuk menurunkan keuntungan mereka bagi meringankan beban rakyat.

“Kita panggil syarikat-syarikat ini, bincang, berapa untung sebulan. Kita tidak minta mereka berniaga dalam keadaan rugi tapi

sekadar mengurangkan untung diperoleh mereka.

“Jika ada cara lain untuk membantu dengan subsidi dan menjimatkan wang saya akan usahakan,” tegas Anwar.

Harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C masing-masing turun kepada 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebiji sudah pun berkuat kuasa.

Sementara harga runcit bagi telur di Sabah, Sarawak dan Labuan juga akan diselaraskan mengikut bahagian dan zon yang diwartakan.

Langkah tersebut selaras dengan perkembangan semasa yang menunjukkan penurunan kos input pengeluaran telur ayam khususnya bahan asas kepada makanan ayam. 



ISU penyasaran subsidi diesel masih belum reda

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

29 - 30/6/24: Gema Kesenian Cina Malaysia @ MaTiC

7/5 - 8/7/24: Pameran Ningyo @ Muzium Negara

20/7/24: Quby Run @ Kepong Metropolitan Park

17/8/24: NANOWHITE MEN x Watsons Run @ Taman Metropolitan Kepong



PUTRAJAYA

22/6/24: Conquer The Miles @ Dataran Wawasan

13/7/24: IJN Run For Your Heart 2024 @ Anjung Floria Putrajaya

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



LABUAN

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

17-18/8/24: Labuan 3 Trails @ Palm Beach Resort & Spa

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex

Jamaliah optimis bina komuniti sejahtera

AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar Utama, Yang Berhormat (YB) **JAMALIAH JAMALUDDIN** optimis dalam usaha untuk membina komuniti setempat yang baik serta memastikan kesejahteraan hidup rakyat terjaga. Beliau yakin dengan perancangan serta inisiatif yang disusun rapi bersama pasukannya selain yakin usaha tersebut dapat direalisasikan.

Dalam masa yang sama, beliau juga turut fokus untuk membangunkan anak muda serta memperkasakan golongan wanita bagi menyertai politik.

Walau banyak cabaran yang perlu diatasi namun perkara tersebut tidak langsung mematahkan semangatnya untuk terus memberi perkhidmatan yang terbaik.

Ikuti wawancara eksklusif YB Jamaliah Jamaluddin bersama wartawan *Wilayahku*, **SYED HAZIQUE SYED NOR** berkongsi cabaran yang dilalui dalam memberikan kehidupan berkualiti kepada penduduk Bandar Utama.

Apakah kejayaan yang telah dicapai YB sepanjang menyandang kerusi DUN Bandar Utama?

Sejak dipilih sebagai wakil rakyat, saya bahagikan kepada dua objektif, satu objektif persendirian satu lagi objektif kawasan DUN di sini.

Daripada segi kawasan, boleh dikatakan banyak yang telah dirangka dan membuahkan hasil seperti kemudahan fasiliti, komuniti penduduk yang aktif bekerjasama, projek penambahbaikan dan sebagainya.

Malah sejak tahun 2018, kita telah melancarkan inisiatif geran komuniti dengan tema-tema tertentu seperti keselamatan, kebun komuniti, teknologi hijau dan banyak lagi. Tujuannya untuk menggalakkan setiap persatuan penduduk dan rukun tetangga aktif dalam menjalankan projek komuniti.

Di kawasan DUN Bandar Utama ini terdapat hampir 70 buah persatuan penduduk, rukun tetangga, badan pengurusan bersama, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung serta badan bukan kerajaan (NGO) termasuk rumah agama dan sebagainya.

Malah saya bersama pasukan juga melakukan banyak inisiatif untuk pelbagai lapisan masyarakat seperti warga emas, anak muda dan wanita untuk mempertingkatkan kemahiran mereka.

Bercakap tentang kesejahteraan, kerjasama yang baik bersama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan juga adalah penting untuk membantu menyelesaikan masalah. Sebagai contoh sebelum ini, banjir kerap berlaku di Kampung Chempaka dan kita bekerjasama dengan agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) melalui projek tebatan banjir di Sungai Kayu Ara (bahagian Kampung Chempaka).

Dari segi matlamat peribadi, saya memfokuskan kepada usaha untuk memperkasakan bakat kepimpinan anak muda dan wanita dalam kalangan masyarakat.

Melalui inisiatif di pejabat, sehingga kini seramai lebih 50 pelatih telah menyertai pasukan saya untuk mengetahui dan memahami apakah tanggungjawab serta tugas-tugas yang dijalankan oleh wakil rakyat melalui pusat khidmat masyarakat.

Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh YB?

Di Bandar Utama, terdapat kira-kira 80,000 pengundi dengan mengambil

kira dalam lebih 100,000 penduduk di kawasan ini.

Semestinya banyak cabaran yang saya serta pasukan terpaksa hadapi dalam membina masyarakat yang sejahtera di samping untuk menyediakan kehidupan berkualiti buat mereka. Antara cabaran utama ialah memastikan segala permasalahan penduduk didengari dan dapat diatasi.

Oleh yang demikian, komunikasi yang berkesan adalah antara keutamaan di pejabat. Saya mengalu-alukan kedatangan penduduk untuk merujuk isu-isu di kawasan serta program-program yang dijalankan selain mengambil perhatian melalui e-mel.

Kita perlu pastikan masalah penduduk didengari selain bekerjasama dengan pihak-pihak bertanggungjawab dalam menangani isu-isu yang berbangkit dan seterusnya mengusahakan penyelesaian serta kualiti hidup yang baik buat warga penduduk.

Apakah fokus pembangunan YB buat penduduk di sini?

Apa yang saya selalu tekankan sepanjang menjadi wakil rakyat ialah tentang kesejahteraan dan kualiti kehidupan. Hal ini termasuklah berkenaan isu perubahan iklim yang memberi impak bukan sahaja kepada negara malah seluruh dunia.

Pada saya isu-isu bencana alam ini jika tidak ditangani dengan baik boleh memberi kesan kepada ekosistem dan menyebabkan risiko bencana yang tidak diingini.

Oleh yang demikian, kita memberi fokus kepada usaha menambah baik sistem perparitan, projek-projek tebatan banjir, inisiatif teknologi hijau, galakkan kebun komuniti dan banyak lagi.

Melalui fokus terhadap masalah iklim ini juga, inisiatif yang berkaitan dapat dijalankan dalam usaha menambah baik kualiti kehidupan kepada penduduk di sini.

Bagaimana YB agihkan dana yang diterima demi memberi kualiti kehidupan kepada penduduk?

Sebenarnya banyak peruntukan yang disediakan terutama sekali melalui persatuan penduduk, rukun tetangga, badan pengurusan bersama, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung serta NGO termasuk rumah agama kerana majoriti komuniti penduduk di sini sangat aktif dengan pelbagai aktiviti.

Selain itu, perancangan peruntukan juga disediakan melihat kepada projek-projek yang memerlukan penambahbaikan dari segi fasiliti,

perancangan program-program mesra rakyat, pembangunan komuniti dan sebagainya.

Sebagaimana yang saya sebut, pejabat saya juga menyediakan geran komuniti sejak tahun 2018 yang memberi fokus kepada projek komuniti dengan tujuan untuk menggalakkan penyertaan aktif komuniti.

Selain daripada sambutan perayaan utama, kita juga menganjurkan program tahunan seperti Karnival Rasa Sayang yang bertujuan untuk mempromosi kepelbagaian budaya, seni daripada pelbagai kaum di Malaysia selain dapat mengeratkan hubungan antara komuniti. Dana juga disalurkan untuk program-program pembangunan anak muda dan pemerkasaan wanita.

Malaysia menuju ke arah negara menua, bagaimana YB membuat persiapan di kawasan Bandar Utama?

Umum sedia maklum, warga emas, kebanyakan adalah dalam kalangan mereka yang sudah bersara. Ada yang memberi fokus meluang masa dengan keluarga dan ada juga yang masih aktif menyertai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

Peruntukan hampir RM10,000 disediakan kepada persatuan komuniti warga emas di sini sebagai sokongan untuk menjalankan pelbagai aktiviti bersama ahli-ahli.

Selain itu, yang paling penting adalah fokus kepada saringan kesihatan untuk warga emas seperti saringan fizikal, nasihat tentang senaman yang bersesuaian kerana kita mengharapkan kesihatan mereka berada pada tahap terbaik.

Apakah harapan dan perancangan masa hadapan YB buat penduduk?

Saya berharap momentum kerjasama yang baik bersama pasukan dan agensi-agensi yang terlibat dapat diteruskan dan dikekalkan supaya kita boleh terus memberikan perkhidmatan yang terbaik selain memberi kesejahteraan buat penduduk.

Diharapkan kerjasama daripada semua pihak dalam membantu membangun serta meningkatkan taraf kehidupan yang membawa kebaikan bersama.

Secara peribadi, fokus utama juga adalah untuk melatih lebih ramai pelapis kepimpinan anak muda dan wanita agar dapat bersama-sama menyumbang kepada pembangunan negara.



Pelihara imej Kuala Lumpur menjelang sidang kemuncak ASEAN 2025

JWP, DBKL selamatkan 85 gelandangan

AZLAN ZAMBRY

SERAMAI 85 gelandangan diselamatkan dalam satu operasi bersepadu bersama beberapa agensi sekitar hotspot di Kuala Lumpur.

Dalam satu hantaran di laman Facebook Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan operasi berkenaan bagi membendung kebanjiran gelandangan di kawasan ibu kota.

“Tindakan itu bagi memastikan imej eksklusif bandar raya Kuala Lumpur di pelihara khususnya menjelang Sidang Kemuncak Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

“Antara kawasan hotspot yang menjadi tumpuan operasi adalah sekitar Chow Kit, Jalan TAR, Jalan Raja Laut, Brickfields, Bangkok Bank dan lain-lain,” katanya.

Selain itu, JWP berkata operasi tersebut turut bersifat

sebagai serampang dua mata bagi memberikan peluang kehidupan lebih baik kepada mereka di samping memastikan imej Kuala Lumpur adalah bersih dan sejahtera.

Operasi tersebut turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah JWP (Pengurusan dan Sosio Ekonomi), Datuk Parang Abai @ Thomas, Pengarah Bahagian Sosio Ekonomi JWP, Mohd Sharif Mohamad Yaakob dan Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL, Zulkifli Muhammad.

Dalam pada itu, kira-kira 100 anggota turut serta daripada pelbagai agensi iaitu JWP, DBKL, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK); Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).



OPERASI bersepadu menyelamatkan gelandangan di Kuala Lumpur.

Tiga jawatankuasa perkasa KL BAR

TIGA Jawatankuasa Pelaksana dibentuk bagi memperkasa inisiatif Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok (KL BAR) bagi Sesi 2024-2026 yang diaturkan oleh LA21 KL, Bahagian Pembangunan Mampan, Jabatan Perancangan Bandaraya Kuala Lumpur.

Menurut Urusetia Agenda Tempatan (LA) 21 Kuala Lumpur, bertemakan Kuala Lumpur Sejahtera dan Makmur Tanpa Amalan Merokok, sebanyak tiga jawatankuasa diwujudkan melibatkan beberapa sektor.

“Antara jawatankuasa itu adalah Pendidikan & Latihan yang mengkhususkan kepada seminar, latihan, kursus dan klinik, Perundangan dan Penguatkuasaan serta Promosi dan Publisti serta Pengiktirafan & Insentif,” katanya menerusi hantaran di Facebook.

Jelas LA21, satu pemukiman turut diadakan bagi menyediakan pelaporan kemajuan pelaksanaan program bagi tempoh 2021-2023.

“Dengan pelaporan ini, kesinambungan dalam membuat perancangan dan penambahbaikan bagi tempoh 2024-2026 telah dirancang melalui Penghasilan Pelan Tindakan dan melibatkan pihak berkepentingan agar jelas dalam memainkan peranan dan melaksanakan program dan aktiviti bersama-sama,” katanya.

Antara agensi terlibat adalah Malaysia Association of Environmental Health (MAEH), Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK), Prasarana Malaysia Berhad, Pemuaafakatan Ibu Bapa Prihatin Zon Sentul, National Leaders Movement (NLM), Pertubuhan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWATCH), Malaysian Council for Tobacco Control (MCTC), Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Pertubuhan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM).

Selain itu pertubuhan yang terlibat

adalah Pertubuhan IbuBapa Mencegah Rokok dan Vape Kuala Lumpur (PAVAC), Business & Professional Women Putrajaya (BPW) dan Social Community Program Urban Society (SCOPURS).

Jawatankuasa tersebut juga turut melibatkan Jabatan Wilayah Persekutuan, Jabatan Kesihatan WPKL dan Jabatan Pendidikan WPKL serta termasuk empat jabatan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) iaitu Jabatan Perancangan Bandaraya, Jabatan Kesihatan dan Alam sekitar (JKAS) Jabatan Pengangkutan Bandar dan Jabatan Undang-undang dan Pendakwaan.

KL BAR merupakan inisiatif LA21 yang selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan atau SDG bagi mempromosi gaya hidup sihat sekali gus mengurangkan risiko penyakit seperti kanser, masalah paru-paru dan pelbagai penyakit kronik lain.



SESI pembetukan semula jawatankuasa dan penyediaan Pelan Tindakan KL BAR.



Aidiladha mewarnai kehidupan



ZULKIFLI SULONG

UMAT Islam menyambut Hari Raya Aidiladha baru-baru ini. Suasana meriah di serata kampung dan desa serta taman-taman perumahan tertumpu di surau dan masjid apabila upacara menyembelih lembu korban dilakukan.

Kisah lembu lari, kemeriahan melapah dan membahagi daging korban menjadi cerita utama di media-media sosial.

Menjelang hari raya, umat Islam akan sibuk membeli-belah di pasar dan kedai-kedai runcit bagi membuat persiapan menyambut hari raya.

Berbeza dengan Hari Raya Aidilfitri, juadah utama Hari Raya Aidiladha adalah berasas daging korban. Resipi sup, gulai, kari dan sebagainya menjadi masakan utama.

Namun begitu, ketika membeli-belah, ayam, telur, sayur, rempah, santan dan sebagainya tetap menjadi tumpuan pembeli.

Kebiasaannya, menjelang hari perayaan, keperluan bahan-bahan ini meningkat secara mendadak.

Sebab itulah, menjadi kebiasaan, bahan-bahan mentah ini naik harga menjelang hari perayaan sesuai dengan konsep penawaran dan permintaan.

Namun, pada Hari Raya Aidiladha tahun ini, berita baik diterima pengguna apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan harga telur, yang menjadi bahan kawalan telah diturunkan 3 sen untuk semua gred.

Perdana Menteri berkata harga runcit baharu bagi telur ayam gred A, B dan C masing-masing

ditetapkan 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebiji.

Beliau juga Menteri Kewangan berkata penurunan harga runcit itu dibuat selepas mengambil kira perkembangan semasa yang menunjukkan berlaku penurunan kos input pengeluaran telur ayam, terutama bahan asas kepada makanan haiwan berkenaan.

Selain itu, katanya, inisiatif berkenaan adalah selaras usaha kerajaan mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat.

“Penampungan subsidi keperluan makanan rakyat sebanyak 10 sen bagi sebiji telur ayam ini membabitkan perbelanjaan RM100 juta, manakala peruntukan subsidi telur ayam adalah sebanyak RM927 juta pada 2023.

“Manakala harga runcit bagi telur di Sabah, Sarawak dan Labuan juga akan diselaraskan mengikut bahagian dan zon yang diwartakan.

“Ingin saya tegaskan, masalah atau isu terkait kos kehidupan rakyat akan terus ditangani kerajaan secara lebih proaktif dan berkesan sambil berusaha sebaiknya dalam memampkan dampak buruk ke atas kehidupan harian rakyat,” katanya dalam kenyataan pada 17 Jun iaitu ketika umat Islam menyambut Aidiladha.

Bagi sesetengah pihak, ini perkara remeh dan tidak perlulah Perdana Menteri yang mengumumkannya. Namun bagi kebanyakan pengguna, pengurangan 3 sen sebiji bererti pengurangan 30 sen untuk 10 biji telur yang lazim dibeli pengguna.

Peniaga makanan seperti nasi lemak, roti canai dan seumpamanya adalah pihak yang akan terasa dengan pengurangan harga 3 sen sebiji ini kerana mereka paling banyak menggunakan telur.

Sebab itulah, kalau ketika tahun 2000 - 2023 sebelum ini, telur sukar didapati di pasaran, sekarang bukan sahaja telur berlambak di



RAKYAT menerima berita gembira yang diumumkan Anwar pada sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini.

pasaran bahkan harganya jauh lebih rendah.

Sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini juga agak panas dengan isu penarikan subsidi pukal diesel oleh kerajaan. Kerajaan menetapkan harga diesel adalah mengikut harga pasaran.

Anwar mengakui beliau menjadi sasaran oleh rakyat ekoran penyasaran subsidi diesel yang dibuat kerajaan.

“Saya kena maki berbakul-bakul, Perdana Menteri tidak prihatin dan tidak fikir mengenai rakyat. Dia fikir gembira sahaja pergi jalan sana sini.

“(Malaysia) Madani sudah jadi Madanon. Saya tidak ada masalah dan kita kena jawab dengan fakta,” katanya dalam ucapan sempena perhimpunan warga Kementerian Kewangan bersama Perdana Menteri.

Bagi beliau, langkah penyasaran subsidi diesel ini perlu bagi mengurangkan ketirisan bahan api itu kerana terdapat nelayan-nelayan negara asing turut menikmati diesel pada harga subsidi yang diperuntukkan khusus kepada

rakyat negara ini.

“Kita harus selamatkan subsidi diesel dan bagaimana kita boleh hilang begitu sahaja.

“Subsidi diesel RM4 bilion, RM1.2 bilion subsidi ayam dan tidak ada pihak yang mahu ambil tindakan sebab tidak popular,” katanya lagi.

Beliau menegaskan, penjimatan daripada penyasaran subsidi yang dilaksanakan Kerajaan Perpaduan akan dikembalikan kepada rakyat seadilnya.

Sebelum ini, Anwar berkata penjimatan menerusi penyasaran subsidi diesel akan dikembalikan kepada rakyat khususnya bagi menampung keperluan pengangkutan awam dan suntikan Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

“Kita tidak dera rakyat miskin. Setiap sen tambahan, kita pulangkan balik,” katanya.

Perdana Menteri juga mahu tindakan tegas diambil terhadap mana-mana pihak yang menaikkan harga barangan atau perkhidmatan meskipun menerima subsidi diesel.

Menteri Kewangan itu berkata subsidi diesel ketika ini masih

diteruskan kepada golongan berhak merangkumi nelayan, pengusaha bas sekolah dan pekebun kecil.

Mengambil contoh perkhidmatan bas sekolah yang menerima subsidi diesel, beliau berkata pengusaha bas berkenaan bakal berdepan tindakan lesen dibatalkan jika menaikkan harga perkhidmatan mereka.

“Kita bagi amaran, kamu diberi subsidi (diesel)... jika kamu naik (harga) juga dalam keadaan kamu dapat subsidi, kami tarik lesen kamu dan batalkan syarat,” katanya.

Dengan jaminan dan pelaksanaan penyasaran yang dibuat, hanya mereka yang belum faham dan pihak berkepentingan sahaja yang akan membantah tindakan kerajaan ini.

Kerana itu, menurut pengamatan saya, pelaksanaan subsidi bersasar sebegini adalah lebih adil dan bakal diterima rakyat dengan baik setelah semua faham kenapa ia dilakukan dan kesan baiknya terasa.

INI sekadar pandangan penulis sahaja.

Liat bayar sewa PPR



Malaysia pilihan tempat bersara

SUDAHLAH degil, liat bayar sewa Projek Perumahan Rakyat (PPR), boleh pula naik angin dan marah apabila para pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkunjung untuk bertanya mengenai tunggakan sewa.

Kisah ini dilapor berlaku di salah sebuah PPR di ibu kota. Penyewa berkenaan berang apabila pegawai DBKL muncul di hadapan pintu kediamannya bertujuan mengutip sewa. Dikhabarkan penghuni tersebut mempunyai tunggakan berbulan-bulan.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, memang sangat wajar DBKL datang bertanya setelah sekian lama sewa tidak dibayar, pada hal sewa PPR hanyalah RM124 sebulan. Namun penyewa berkenaan mendakwa walaupun jumlah sebanyak itu dia tidak mampu atas alasan suaminya sedang sakit.

Malah dia memarahi pegawai DBKL

yang disifatkannya tidak bersimpati dengan masalah dihadapi. Penyewa tersebut juga tidak mahu menerima penjelasan pegawai DBKL untuk membantu, termasuk membayar sewa tertunggak secara ansuran.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya ini bukan kes terpencil. Banyak lagi kes penghuni PPR atau Perumahan Awam (PA) DBKL liat membayar sewa sehingga menyebabkan DBKL menanggung beban tunggakan mencecah jutaan ringgit.

Sikap penyewa sebegini memang tidak bertanggungjawab. Kadar sewa RM124 sebulan sangat rendah berbanding ratusan, malah ribuan ringgit jika menyewa rumah bukan PPR atau PA.

Barisan yang menunggu mendapatkan rumah PPR atau PA sangat panjang. Ada yang menunggu sehingga bertahun-tahun masih belum dapat. Fikir-fikirkanlah.

WALAUPUN ramai rakyat Malaysia bekerja di Singapura dengan pendapatan lebih tinggi kerana kadar pertukaran wang republik tersebut, rupanya ramai rakyat negara itu memilih untuk bersara di Malaysia.

Berdasarkan kajian serta tinjauan yang dijalankan oleh Blackbox Research and Qualtrics yang dilaporkan oleh media baru-baru ini, seorang daripada tiga rakyat Singapura cenderung menjadikan Malaysia tempat bersara.

Kawan-kawan Kedai Kopi sedar selama ini rakyat Singapura menjadikan Malaysia destinasi pelancongan utama. Dengan menempuh jarak yang dekat menyeberangi Tambak Johor, mereka sudah sampai di bumi Malaysia. Ada juga yang memilih menaiki penerbangan ke ibu negara.

Sebenarnya ramai telah berpindah

menghabiskan usia di negara ini khususnya yang memilih menyertai Program Malaysia Rumah Kedua (MM2H). Peserta program menyifatkan negara ini menarik dengan suasana kehidupan serta persekitaran juga budaya yang banyak persamaan dengan Singapura.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, ramai lagi rakyat Singapura menunjukkan minat terhadap Program MM2H, yang akhirnya boleh menjurus kepada pemilihan Malaysia sebagai destinasi bersara.

Perkembangan ini membuktikan kehebatan Malaysia kepada warga luar. Mereka bukan sahaja boleh memilih kedamaian dan keselesaan tinggal di negara ini tetapi juga mampu memiliki hartanah pada harga lebih rendah berbanding di negara itu. Malaysia memang istimewa.

Terima kasih pengangkut sampah



KU SEMAN KU HUSSAIN

SEBAHAGIAN besar dalam kalangan kita tentu tidak mahu menyekutukan diri dengan sampah antaranya dianggap seperti sampah atau bekerja mengutip dan mengangkut sampah. Semua yang berkaitan dengan sampah bukan sahaja suatu yang tidak bernilai, tetapi juga kotor dan busuk termasuk lori sampah.

Sekalipun begitu sampah juga memberi kehidupan kepada sesetengah dalam kalangan masyarakat. Mereka hidup dengan mengutip barang buangan di tapak pelupusan sampah untuk diktir semula. Pekerjaan itu hanya dilakukan oleh kelas sosial yang paling rendah dalam masyarakat.

Pengangkut sampah juga adalah jenis pekerjaan paling rendah. Di negara kita pekerjaan itu banyak dilakukan oleh warga asing terutama Bangladesh. Sebenarnya bukan disebabkan upah yang rendah, tetapi disebabkan stigma masyarakat terhadap kerja-kerja sedemikian.

Bagaimanapun pada realitinya kehidupan kita tidak dapat berpisah daripada sampah. Bayangkan dalam sehari dianggarkan tidak kurang 36,000 tan sampah dibuang di negara ini atau pecahannya 1.17 kilogram setiap seorang. Dalam setahun lebih kurang 14 juta tan sampah dibuang di seluruh negara.

Menguruskan sampah apa lagi yang sebanyak itu memerlukan manusia terutama pengangkut sampah untuk mengutip dari premis kediaman serta perniagaan makanan. Bercampur baur kering dan basah adalah biasa kerana tidak semuanya tempat disediakan tong yang berasingan. Kerap juga tangan pengangkut sampah tercucuk serpihan kaca yang dibuang dalam tong sampah.

Sebenarnya selain sebagai sumber pendapatan, banyak juga hampir jenis pekerjaan yang ada nilai dan sumbangan yang tersendiri kepada orang ramai. Sama ada pekerjaan yang dipandang tinggi serta mulia atau yang rendah dan upahnya murah, ada sumbangan dalam hal-hal tertentu.

Bagaimanapun tidak semua sumbangan itu nampak ketara di mata, cuma ada kesan-kesan tertentu yang menunjukkan dinikmati oleh orang ramai. Biasanya jenis pekerjaan yang dipandang rendah oleh sesetengah pihak itu masa yang sama ada sumbangan yang agak ketara besarnya kepada masyarakat.



KESANGGUPAN pengangkut sampah melaksanakan tugas memberi keselesaan pada kehidupan orang lain. - Gambar hiasan

Di Kuala Lumpur misalnya, yang membangunkan dan menyumbang ke arah masyarakat yang sejahtera bukan sahaja individu yang berkerjaya tinggi dan dipandang mulia. Kuala Lumpur juga dibangunkan oleh individu yang berkerja di bidang yang penuh kotor dan tidak diminati, termasuk pengangkut sampah.

Tanpa penglibatan individu yang memilih jenis pekerjaan sedemikian, siapa yang hendak memastikan kehidupan warga di bandar raya itu selesa – tidak ada sampah sarap, semak samun atau longkang-longkang tersumbat? Siapa lagi yang mengangkut sampah atau membersihkan longkang kalau bukan individu yang memilih kerja sedemikian.

Oleh itu kita tidak boleh terlalu pantas menilai sesuatu pekerjaan atau individu yang melakukan kerja daripada sudut luaran sahaja. Hal itu kerana banyak juga kerja yang tidak indah di mata, tetapi memberi keindahan pada kehidupan orang lain.

WANG ADALAH RAJA

BANYAK individu yang melakukan kerja dalam keadaan kotor, comot dan busuk itu memberikan sumbangan melalui pekerjaannya. Malah bukan setakat memberi sumbangan, adakala lebih besar berbanding pekerjaan yang kelihatan prestij dan mulia. Misalnya mereka hanya bekerja untuk pulangan kepada diri sendiri.

Sebab itulah ada sesetengah yang bekerja dalam persekitaran yang kotor lebih besar sumbangannya berbanding segelintir golongan kolar putih di

kerusi empuk dan di bilik berhawa dingin. Biarpun hampir semua kerja dalam persekitaran kotor berada dalam kelas paling bawah, sumbangannya kepada masyarakat tidak boleh dinafikan.

Saya pernah bertanya kepada pekerja angkut sampah warga Bangladesh, kenapa dia membeli dua bungkus nasi? Dia memberitahu, satu untuk sarapan di atas lori dan satu lagi untuk makan tengah hari.

Kenapa tidak makan di gerai? Jawapan yang diberikan agak mengharukan kerana dia sedar ada orang tidak selesa kalau mereka makan dengan pakaian dan keadaan yang kotor. Mereka juga segan kerana faham stigma terhadap bidang kerja yang dilakukan itu, lalu mendepani dengan realistik dan sedar diri.

Sebab itulah bukan suatu yang luar biasa kalau ada yang menutup hidung apabila ada lori pengangkut sampah melintas di jalan raya. Itu adalah realiti dan pekerja-pekerja yang bergayut di belakang lori terpaksa menelan semua keadaan yang meloyakan itu kerana tugas.

Tetapi seperti biasa banyak yang tidak ambil peduli akan kesanggupan individu-individu itu melaksanakan tugas bukan sahaja mendapat upah, malah memberi keselesaan pada kehidupan orang lain. Tidak dapat dibayangkan kalau pekerja-pekerja itu melancarkan mogok selama seminggu.

Frasa *cash is king* tidak tepat dalam semua keadaan. Katakanlah, kalau diberi upah tinggi sekalipun tidak ada yang mahu melakukan. Apakah yang berlaku pada persekitaran kehidupan kita apabila sampah sebanyak 36,000


dan lumpur. Walaupun kerja angkut sampah tidak bahaya atau terlalu sukar, tetapi persekitaran yang kotor itu membuatkan tidak banyak yang sanggup melakukannya.

Memang benar Kuala Lumpur adalah pusat perdagangan dan ekonomi yang terkemuka. Sekalipun begitu pembangunan prasarana seperti tumbuhnya bangunan tinggi yang menyapu awan menjadi tempang kalau muka bumi di pusat bandar raya penuh dengan kekotoran dan sampah sarap.

Sebab itulah setiap kali lori pengangkut sampah dengan pekerja-pekerja yang berpakaian kotor dan comot melintasi kediaman, saya bersyukur kerana ada manusia yang memilih kerja mulia yang memberi kehidupan selesa kepada saya dan juga orang lain. Memang bekerja kerana upah, tetapi masa yang sama menyumbang pada persekitaran hidup yang bersih dan bebas penyakit.

Pada sisi yang lain pula mereka yang memilih kerja berkenaan lebih beruntung kerana tidak terdedah pada lorong-lorong yang membuka pada perbuatan tidak amanah. Sekalipun begitu tentu ada segelintir pengangkut sampah yang tidak amanah.

Bagaimanapun pelakuan pengangkut sampah itu tidaklah merosakkan seluruh sistem untuk masyarakat berbanding sekiranya dilakukan oleh individu di bidang kerja yang dipandang mulia dan berkuasa. Dengan itu ternyata tidak semua yang dikaitkan dengan sampah itu benar-benar sampah dan sampah yang bahaya adalah yang tersembunyi dalam jiwa.



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 267 . 21-27 JUN 2024

MENGGHORTIS

SEL OTAK

►► 10-11

Lebih teruk daripada ketagihan kokain

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

KETAGIHAN pornografi tidak hanya melibatkan golongan dewasa tetapi remaja juga turut terjerumus ke dalam perbuatan tidak bermoral. Penggunaan Internet dan media sosial yang tiada sempadan merupakan antara penyumbang utama kepada perkara ini.

Jika tidak dibendung mulai sekarang maka tidak mustahil ia akan bertukar menjadi barah seterusnya merebak dalam diam sehingga mampu memakan diri.

Menurut Pakar Kesihatan Lelaki, **Dr Ahmad Samhan Awang**, ketagihan menonton pornografi mampu menyebabkan kerosakan saraf otak selain meruntuhkan institusi kekeluargaan sehingga mengakibatkan perceraian serta kehilangan nilai moral individu.

“Ia membawa kesan buruk kepada kesihatan manusia antaranya kerosakan saraf otak jangka panjang dan menjejaskan ingatan seseorang.

“Ketagihan bahan lucah mengakibatkan bahagian tengah depan otak yang dikenali sebagai *Ventral Tegmental Area* (VTA) secara fizikalnya akan mengecil. Pornografi menimbulkan perubahan kepada bahan kimia *neurotransmitter* dan melemahkan fungsi kawalan badan. Ini membuat mereka yang ketagih tidak dapat mengawal perilaku,” ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata perbuatan menonton video atau sebarang kandungan berbentuk lucah berpotensi membawa kepada masalah mati pucuk atau ejakulasi pramatang.

“Jika mengalami masalah ketagihan pornografi, mereka bakal mengalami kecederaan *frontal lobe* iaitu bahagian depan otak



SAMHAN

seterusnya mengalami masalah *self-control* atau kesukaran mengawal diri dan menjejaskan penghantaran maklumat ke otak.

“Jadi perkara inilah yang membawa kepada masalah mati pucuk dan ejakulasi pramatang.

Kerosakan otak akibat ketagih pornografi adalah yang paling teruk iaitu lebih teruk daripada ketagihan kokain (dadah),” ujarnya.

Menurut beliau, apabila seseorang itu sudah mencapai kepada tahap ketagih dalam menonton kandungan tidak bermoral itu, masalah rangsangan akan berlaku.

“Antara tanda ketagihan adalah cepat marah atau terganggu sekiranya diminta untuk berhenti melayari pornografi dan memiliki dua karakter kerana melayari secara bersembunyi.

“Malah pengaruh menonton video seksual ini kian membimbangkan apabila dikategorikan mengikut selera pengikutnya. Aktiviti tidak bermoral tersebut banyak memberi kesan kepada hidup individu dan masyarakat.

“Gejala sosial seperti rogol, liwat dan cabul semakin meningkat yang kebanyakannya berpunca daripada ketagihan pornografi. Ia menjadi lebih bahaya apabila mudah diakses dan dilanggan tanpa halangan serta tapisan dengan menggunakan kecanggihan teknologi.

“Lebih membimbangkan, setiap minggu beribu-ribu laman web lucah diketengahkan hingga melahirkan penggemarnya yang tersendiri, malah golongan profesional turut menguasai dunia seksual imaginasi itu,” ujar beliau.

Samhan berkata sekiranya tabiat



Bagaimana untuk menguruskan KETAGIHAN PORNOGRAFI?

1 KENALI PUNCA

Kenal pasti punca atau penyebab yang selalu **mendorong** anda untuk menonton pornografi.

2 TETAPKAN SEMPADAN

Kawal diri dan lakukan tindakan yang tepat jika anda berada di dalam situasi yang membolehkan anda menonton pornografi.

3 WUJUDKAN MATLAMAT

Tetapkan **matlamat khusus** untuk dicapai supaya anda akan sentiasa **berusaha ke arah matlamat** tersebut.

4 JUMPA PROFESIONAL

Dapatkan **rawatan daripada profesional** supaya ketagihan ini **dapat dicegah dengan baik dan cepat**.



tersebut dibiarkan berlarutan, ia boleh menjadi punca pertengkaran serta mengganggu kelancaran hubungan intim pasangan suami dan isteri.

“Nafsu suami yang ketagihan akan terjejas jika kerap melakukan onani. Dunia pornografi adalah

buatan dan tidak boleh memuaskan keinginan dan jika dibiarkan menjadi lebih tidak terkawal dan terdedah kepada maksiat.

“Ramai tidak setuju jika dikaitkan dengan ketagihan namun tabiat itu sebenarnya semakin ketara hari ini kerana teknologi yang lebih canggih. Mereka sering menidakkan masalah yang dihadapi, namun pada masa sama tidak mampu menghentikan ketagihan,” ujarnya.

Selain itu, beliau berkata ketagihan selalunya berkembang secara perlahan dan melalui beberapa tahap sehingga lebih teruk dengan tindakan impulsif, peningkatan mencari pornografi, hilang rasa malu dan akhirnya perubahan sikap secara mendadak.

“Ia turut meruntuhkan keharmonian institusi kekeluargaan kerana akan menyebabkan kekosongan perasaan, rendah diri dan kesepian mendalam antara pasangan berkahwin.

“Pasangan akan berasa rendah diri, teraniaya, malu dan kesal dengan sikap suami atau isteri yang kemaruk pornografi sedangkan aktiviti seksual dengan pasangan dingin,” ujarnya.

BENDUNG TOKSIK

MENGHENTIKAN ketagihan jangka panjang boleh dilakukan secara perlahan, namun memerlukan komitmen dan keinginan tinggi selain perlu

menjalani terapi.

“Buat tujuan untuk satu tempoh waktu berdasarkan keinginan, baik untuk benar-benar berhenti menonton filem lucah atau mengurangkan kadar masa melayari laman itu.

“Jauhkan media yang berkait rapat dengan pornografi. Mereka juga boleh mengubah lingkungan persekitaran dan alihkan perhatian ke hobi lain untuk mengisi waktu kekosongan,” ujar beliau.

Tambahnya, tanpa disedari kegembiraan abnormal ini membawa pelbagai kesan negatif kepada masyarakat seperti terdedah kepada ancaman keselamatan yang berpunca daripada jenayah seksual seperti rogol, cabul, pedofilia, parafilia dan sebagainya sehingga ke tahap membunuh mangsa.

“Di samping itu, aktiviti salah laku ini juga membawa kepada kehamilan luar nikah serta penularan penyakit kelamin seperti *human immunodeficiency virus* (HIV), *acquired immunodeficiency syndrome* (AIDS) dan sebagainya.

“Kesimpulannya, ketagihan kepada bahan berbentuk lucah dalam kalangan masyarakat banyak berkait rapat dengan kemajuan dan perkembangan corak hidup serta teknologi. Justeru, kempen kesedaran bagi memerangi aktiviti ini perlu dilaksanakan serta disahut oleh semua pihak dan disusuli dengan tindakan yang sewajarnya,” tegas beliau.



Fantasi seksual abnormal

DUNIA Internet terlalu mudah 'membiakkan' individu ketagih bahan berunsur seks dan merekrut 'perogol' belia tanpa sedar memandangkan semua bahan rangsangan itu boleh diakses hanya di hujung jari.

Menurut Pakar Perunding Kanan Psikiatri dan Ketua di Jabatan Perubatan Psikologi, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM), **Profesor Madya Dr Muhammad Muhsin Ahmad Zahari**, perasaan ingin tahu berkenaan seksualiti khususnya dalam kalangan remaja biasanya membawa kepada aktiviti menonton video lucah.

"Ditambah pula peringkat usia muda, terdapat kehendak biologi seperti peningkatan atau perubahan hormon serta kemahuan psikologi yang mendorong ke arah pornografi.

"Dalam masa yang sama, seseorang yang mengakses bahan lucah tidak mengira usia dan status perkahwinan, kebiasaannya ia bagi mengatasi stres dan melarikan diri seketika di mana rasa keseronokan dengan menonton pornografi akhirnya menjadikannya berterusan mengakses sehingga berisiko menjadi ketagih.

"Kehendak sistem ganjaran (*reward system*) di dalam otak manusia sentiasa mendorong untuk mencari perkara-perkara yang menyeronokkan termasuklah berbentuk seksual ditambah pula jika seseorang melalui masa yang membosankan atau keseronokan," ujarnya.

Muhammad Muhsin berkata kebanyakan individu yang menonton video lucah baik lelaki mahupun wanita cenderung menggunakan alasan bahawa ia dapat mengembangkan fantasi seksual lalu menguatkan rangsangan seksual ketika melakukan hubungan intim bersama pasangan.

"Bagi mereka yang telah berkahwin, mengakses pornografi boleh memenuhi kehendak seksual yang tidak dipenuhi dalam



IBU bapa memainkan peranan besar dalam tumbesaran anak-anak.

hubungan suami isteri. Ia mungkin digunakan untuk meningkatkan keinginan seksual (*libido*) dan ada juga yang mengakses untuk mencari 'kelainan' dalam hubungan yang terjalin. Tetapi bagi mereka yang memang sudah biasa melayarinya, situasi yang sama mungkin terus berlaku juga," ujar beliau.

Mengulas lanjut, Muhammad Muhsin berkata pendedahan yang tidak terkawal boleh mengganggu pembentukan generasi akan datang yang berkualiti.

"Dibimbangi golongan muda akan berdepan dengan isu kesihatan mental akibat terdedah dengan pornografi yang berlebihan. Selain itu, lama-kelamaan isi kandungan yang berbentuk seksual menjadi ekstrem dan mungkin mengganggu jangkaan dalam hubungan intim suami isteri.

"Perkembangan sosial dan pendidikan juga boleh terganggu dengan terdedah terhadap isi kandungan yang berlebihan dan melampau. Lebih dikhuatiri generasi akan datang menganggap menonton video lucah adalah normal dan mengurangkan sensitiviti mereka terhadap keburukan pendedahan pornografi di peringkat usia terlalu muda," katanya.

Jelasnya lagi, terdapat situasi

di mana anak-anak secara tidak sengaja melihat video tidak senonoh menerusi gajet orang tuanya dan justeru itu, kecaknaan ibu bapa sangat penting contohnya menggunakan kata laluan yang berlainan antara mereka dan anak-anak.

"Sebagai ibu bapa perlu mengawasi apa yang anak-anak mereka akses di Internet melalui komputer atau telefon pintar. Dengan teknologi AI juga, dibimbangi anak-anak akan terdedah kepada isi kandungan yang tidak sihat jika gajet yang sama digunakan oleh ibu bapa untuk mengakses kandungan tersebut.

"Ibu bapa boleh bercakap hal-hal seksual dengan anak-anak mengikut peringkat umur mereka, keakraban hubungan ibu bapa dan anak-anak sangat penting kerana ini boleh mengelak mereka daripada mendapat elemen tidak sihat berkaitan seksual dari sumber-sumber yang tidak baik khususnya di dalam Internet.

"Seterusnya anak-anak sewajarnya dipastikan mempunyai persekitaran digital yang sihat selain ibu bapa perlu cilik ilmu teknologi maklumat dan penggunaan media sosial," jelasnya.

Dalam pada itu, Muhammad Muhsin berkata undang-undang penting dalam pengawalan tingkah laku manusia termasuklah akses kepada pornografi.

"Namun undang-undang perlu sesuai dengan budaya setempat seperti di negara barat akses kepada pornografi mungkin tidak bercanggah dengan undang-undang asalkan bukan berkaitan dengan pedofilia atau elemen seks yang keterlaluan. Walau bagaimanapun, budaya ketimuran dan agama kita menyatakan sebaliknya.

"Jadi tidak hairanlah isi kandungan pornografi adalah amat banyak di dalam Internet dan lebih membimbangkan laman-laman berbentuk *deepfake* yang menggunakan teknologi AI untuk memanipulasi gambar-gambar seseorang menjadi pornografi.

"Oleh itu, pihak berwajib perlu membuat tindakan proaktif dengan menggunakan teknologi terkini bagi memblok laman-laman lucah. Ini memerlukan pemantauan dan pengawasan dari pihak berkuasa bagi mengurangkan kandungan tersebut yang boleh diakses di dalam negara kita," ujarnya.

Jaga pandangan cegah kerosakan moral

DALAM Islam, menonton pornografi merupakan satu dosa besar kerana ia melibatkan perbuatan melihat aurat orang lain yang dilarang oleh syariat.

Menurut Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), **Nik Suhaila Nik Hussin**, hukuman berdasarkan prinsip menjaga kesucian dan kehormatan diri.

"Walaupun tidak ada hukuman spesifik yang ditetapkan dalam Al-Quran atau hadis untuk mereka menonton pornografi, hukuman ta'zir yang ditentukan oleh hakim syar'ie memainkan peranan penting dalam menangani kesalahan ini.

"Selain hukuman fizikal, Islam juga menekankan pentingnya taubat, pendidikan agama dan sokongan sosial dalam proses pemulihan," ujarnya.

Mengulas lanjut, Islam sangat menekankan kepentingan menjaga pandangan sebagai sebahagian daripada menjaga kesucian diri dan moral sebagaimana yang disebutkan dalam Surah An-Nur, Ayat 30-31: *Katakanlah kepada lelaki yang beriman agar mereka menjaga pandangannya dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat.*

"Dan katakanlah kepada wanita yang beriman agar mereka menjaga pandangannya dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya (*auratnya*), kecuali yang (*biasa*) terlihat. Dan hendaklah mereka menutupkan kain kerudung ke dadanya.

"Ia juga disebut dalam hadis Nabi Muhammad SAW: *Pandangan (terlarang) adalah salah satu daripada panahan Iblis yang berbisa. Sesiapa yang meninggalkannya kerana takutkan Allah, akan Dia gantikan dengan kemanisan iman yang akan dirasainya dalam hatinya.* (Riwayat al-Hakim)

"Dalil-dalil di atas menekankan pentingnya menjaga pandangan untuk memelihara moral dan etika, serta menghindari godaan yang boleh membawa kepada dosa. Dengan menjaga pandangan, ia dapat membantu menjaga kesejahteraan jiwa dan mencegah hati daripada terjerumus ke dalam perkara yang dilarang oleh Allah," ujar beliau.

Dalam pada itu, Nik Suhaila berkata menonton

video lucah boleh membawa kepada ketidaksetiaan dalam perkahwinan, peningkatan kes perceraian dan masalah komunikasi antara pasangan seterusnya mengganggu keharmonian rumah tangga dan menyebabkan kesan negatif kepada anak-anak.



NIK SUHAILA

"Penggunaan pornografi juga boleh menyebabkan masalah kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan dan ketagihan di mana boleh menjejaskan keupayaan individu untuk membentuk hubungan yang sihat

dan memuaskan dalam kehidupan nyata kerana mereka mungkin mempunyai jangkaan yang tidak realistik tentang seks dan hubungan," ujarnya.

Justeru itu, Nik Suhaila mengingatkan bahawa ibu bapa mempunyai tanggungjawab besar dalam memberikan pendidikan seksual berasaskan Islam, memantau penggunaan media sosial, membangunkan komunikasi terbuka, menjadi model peranan yang baik dan banyak lagi.

Tambahnya, bagi mereka yang masih bergelut dengan ketagihan menonton pornografi, terdapat beberapa langkah yang boleh dilaksanakan bagi mengatasinya.

"Individu tersebut mestilah melakukan taubat nasuha serta meningkatkan keimanan, ibadah dan amal soleh, mencari sokongan profesional juga sosial, mengelakkan punca-punca godaan, mengalihkan perhatian dengan melakukan aktiviti positif seperti bersukan, hobi atau sukarelawan, mengamalkan puasa sunat dan lain-lain," jelasnya.

Katanya, isu pornografi memerlukan pendekatan holistik yang melibatkan pendidikan, kesedaran, penguatkuasaan undang-undang dan sokongan komuniti. Usaha bersama antara kerajaan, institusi pendidikan, keluarga dan masyarakat adalah penting untuk menangani ancaman ini dalam memastikan moral serta akhlak masyarakat juga ummah terpelihara.

TAHAP KETAGIHAN PORNOGRAFI

- 1 Exposure**
Sama ada secara sengaja atau tidak sengaja
- 2 Addiction**
Sering melihatnya dan terasa sukar untuk meninggalkannya
- 3 Escalation**
Desakan untuk melihat lebih banyak semakin meningkat
- 4 Desensitization**
Rasa bosan dan tepu dengan imej atau sumber yang sama. Keinginan untuk mencari yang memberikan rangsangan.
- 5 Acting out**
Keinginan untuk melakukan seperti apa yang dilihatnya pada imej atau video secara nyata. Jenayah seksual bermula di titik ini!





Mendalami erti pengorbanan

SYUQREE DAIN


SAMBUTAN Aidiladha baru-baru ini disambut seluruh umat Islam dengan penuh kesyukuran. Masyarakat Islam menunaikan solat sunat Aidiladha di masjid dan sejurus itu bersiap sedia melaksanakan ibadah korban.

Aidiladha merupakan hari kebesaran umat Islam dan disunatkan untuk melakukan ibadah korban dengan menyembelih haiwan ternakan sebagai memperingati pengorbanan Nabi Ibrahim AS serta anaknya Nabi Ismail AS.

Kemeriahan itu turut diraikan kumpulan komuniti ukhuwah dari Pulau Meranti yang dikenali sebagai Camel Crew dengan mencipta kelainan di kawasan mereka melalui program Misi - Lembu Sado 2024 di mana seekor lembu sado disumbangkan kepada Masjid Meranti, Puchong untuk disembelih dan disedekahkan.

Lembu jantan baka Limousine seberat lebih satu tan dengan harga mencecah lebih RM21,000 itu disedekahkan untuk dimasak dan diagihkan kepada kariah masjid serta penduduk setempat.

Terdahulu, kali terakhir program tersebut dijalankan pada tahun 2019 menyaksikan Camel Crew menyumbangkan seekor unta.



Ikan bilis Kampung Bebuloh Laut berbaloi



KHAIRUL IDIN

BAGI mereka yang menggemari makanan laut, pastikan anda tidak terlepas menyenaraikan Labuan sebagai destinasi yang wajib dikunjungi tatkala bercuti di pulau bebas cukai ini.

Kaya dengan sumber laut, pulau yang rancak dengan aktiviti minyak dan gas ini meriah dengan perusahaan ikan bilis segar. Tidak hairanlah pelancong tidak melepaskan peluang untuk mengunjunginya bagi membeli buah tangan sebelum pulang.

Antara perusahaan ikan bilis yang sering menjadi tumpuan adalah Salinang Maju Enterprise yang terletak di kawasan perumahan atas air di Kampung Bebuloh Laut.

Menariknya, perusahaan yang dijalankan oleh penduduk tempatan itu bukan sahaja menjual produk ikan bilis bahkan turut memberi peluang kepada pelancong untuk melakukan aktiviti pemrosesan ikan bilis bermula daripada proses penangkapan sehinggalah pembungkusan.

Menurut pemiliknya, **Sabtu Awang Aminah**, pada awalnya perusahaan yang beroperasi pada tahun 2015 itu hanya sekadar dijadikan sumber pendapatan sampingan namun tidak menyangka ia mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

"Sejujurnya kami tidak menyangka perniagaan ikan bilis menjadi tumpuan dan tidak putus-putus dikunjungi pelancong dari dalam dan luar negara yang bercuti di Labuan.

"Pada awal berniaga dahulu, tidak terlintas pun kilang yang

dibina bersebelahan kediaman ini menjadi tempat tumpuan. Masa itu saya tidak menaruh harapan memandangkan kawasan ini adalah kampung sahaja.

"Namun setelah beberapa tahun, saya mula menyedari saban hari semakin ramai yang datang berkunjung ke sini dan membeli produk-produk kami," ujarnya.

Bercerita lanjut, Sabtu berkata hasil tangkapan yang berjaya diraih dalam masa sebulan adalah sekitar dua hingga tiga tan manakala bagi hasil kering pula sebanyak 400 hingga 500 kilogram sehari.

"Ikan yang dikeringkan atau dijemur akan diproses serta dikategorikan mengikut jenis dan gred. Bagi ikan bilis pula, kita ada gred A, B, C yang siap dikopek dan dikategorikan mengikut saiz kepanjangan.

"Manakala jenis ikan pula antaranya ikan tamban, ikan kekek dan ikan bilis. Kesemua ikan ini dipilih dan digredkan selepas kering supaya ia tidak rosak," ujarnya.

Dia turut memaklumkan produknya telah berjaya menembusi pasaran Semenanjung, Kuching dan negara jiran, Brunei selain turut meraih pendapatan puluhan ribu ringgit sebulan.

BINA PELANTAR TINJAU

BERKONGSI mengenai perancangan masa hadapan perusahaannya, dia dan isteri sedang menambah baik kemudahan untuk keselesaan pengunjung yang datang ke kilang.

"Kami sedang merancang untuk membina kios kecil di



sini dan digunakan untuk menjual dan mengetengahkan produk-produk keluaran tempatan seperti kraf tangan, makanan tradisi dan sebagainya.

"Selain dapat memperkenalkan produk tempatan, ia juga dapat membantu penduduk tempatan khususnya di kampung ini menjana hasil pendapatan.

"Dalam masa yang sama, saya juga merancang untuk membina pelantar tinjau beserta pakej ekopelancongan kepada pengunjung untuk merasai suasana kampung dan keindahan alam semula jadi yang terdapat di Labuan," ujarnya. 



Penulis perlu berani

DIANA AMIR

Foto: SYUQREE DAIN

BERGELAR seorang penulis, tidaklah sepopular penyanyi ataupun pelakon malah perjalanan yang harus ditempuhi juga tidak semudah yang disangka.

Pelbagai liku-liku kehidupan perlu dilalui sebelum berjaya meletakkan diri sebaris penulis hebat lain serta mempunyai pengikut tersendiri.

Namun di suatu saat seseorang penulis itu berjaya menghasilkan karya kreatif yang baik, ia bagaikan suatu kepuasan yang tidak dapat diterjemahkan.

Hanya berbekalkan minat sebagai panduan untuk menggerakkan mata pena di atas kertas, tahun 2010 menjadi saksi titik permulaan Nadia Mohamad Hatta atau nama penanya **Nadia Khan** bergelar seorang penulis.

Kongsinya kepada *Wilayahku*, keinginan untuk menyampaikan cerita mendorongnya untuk terus menulis meskipun penulisan tersebut tidak dibaca oleh ramai orang.

“Menulis sebahagian daripada jiwa saya dan tak pernah beranggapan jadi penulis sebab nak glamor, kaya dan sebagainya. *I consider myself as storyteller before be a writer.*”

“Bagi saya terutamanya untuk penulis buku, takde istilah bersara di mana selagi bernyawa saya akan terus menulis dan itu memang minat saya sejak di bangku sekolah,” ujarnya yang mempunyai pengalaman 13 tahun dalam dunia penulisan.

Berkongsi kehidupan sebagai

penulis, Nadia berkata ilham untuk memulakan sesebuah penulisan boleh didapati di mana-mana dan pada bila-bila waktu sahaja.

“Ilham adalah benda paling mudah dalam menulis di mana sehari boleh dapat dalam 10 ilham namun disiplin untuk mengembangkan dan menyiapkan sesebuah naskhah dengan jalan cerita menarik itu yang tidak mudah.

“Sebab itu setiap orang rasakan diri mereka boleh menulis tapi kena faham tak semua boleh menulis dengan baik kerana ia perlu datang dengan disiplin, bakat dan sebagainya.

“Jadi apa yang saya buat untuk mendapatkan disiplin itu adalah dengan membina profil yang jelas serta terperinci untuk semua watak di dalam novel itu, kemudiannya kita campak kesemua watak tersebut ke dalam situasi-situasi yang ada dalam fikiran dan watak-watak itu akan tulis cerita tersebut untuk kamu,” ujarnya.

Kongsinya, setiap watak akan memberi reaksi berbeza bergantung kepada perwatakan mereka untuk setiap situasi yang berlaku.

“Sebab itu apabila ada peminat yang minta *sequel* untuk mana-mana novel, saya akan cakap ia bergantung kepada bagaimana watak tersebut berkembang sekiranya ia tidak kuat untuk dijadikan cerita saya tidak akan menulis,” kongsinya yang juga merupakan graduan perubatan.

Mengulas lanjut, Nadia berkata

kebiasaannya dia mengambil masa sekurang-kurangnya satu tahun dalam menyiapkan sesebuah naskhah.

“Saya akan mula dengan peringkat *profile building*, kaji selidik dan sebagainya dalam usaha untuk memperincikan perwatakan setiap watak yang akan wujud.

“Berkembangkan komputer riba, sebuah buku nota, sebatang pen dan secangkir kopi saya akan bercakap dengan watak-watak untuk novel tersebut dan daripada situ jalan cerita akan terbentuk,” ujarnya.

Beliau yang juga merupakan penulis bagi novel popular *Kelabu dan Gantung* berpendapat kerjaya sebagai seorang penulis di Malaysia adalah selamat selagi

mana individu tersebut bijak mencari peluang.

“Pekerjaan apa pun yang kita ceburi, pasti akan berjaya kalau kita pandai mencari dan memanfaatkan setiap peluang yang ada begitu juga dengan penulis. Mereka tidak boleh tertumpu dengan hanya menulis novel sahaja dengan skil yang mereka ada itu juga boleh digunakan untuk menulis skrip, buku tahunan, *copywriting* dan sebagainya.

“Sebagai penulis, perlu berani dan bijak untuk mempromosikan skil yang ada agar orang nampak bakat kita,” jelasnya lagi.

Nadia berkata memilih kerjaya penulis tidak semudah membaca sebuah karya, buat mereka yang berminat dengan dunia ini tulislah

cerita yang baik (*just write a good story*).

“Antara tips untuk bergelar penulis yang baik adalah niat untuk menulis itu perlu lebih kuat daripada ingin menjadi penulis. Adakah jika anda bukan seorang penulis anda akan terus menulis cerita itu, adakah cerita tersebut akan mencengkam hidup anda, kalau ya, anda memang patut menulis.

“Dunia buku ni ada pasaran untuk apa sahaja jenis karya jadi teruslah menulis cerita yang bagus dan bermanfaat buat pembaca,” ujarnya.

Nadia turut berharap industri perbukuan akan terus berkembang sama ada secara cetak mahupun atas talian. 

Nilai sentimental Westlife bersama peminat di Malaysia



WESTLIFE ketika menghiburkan peminat di Arena of Stars Genting Highlands.

MENGHIBURKAN dan puas. Itulah gambaran pada wajah lebih 5,000 peminat yang membanjiri Arena of Stars Genting Highlands sempena konsert Westlife The Hits Tour baru-baru ini.

Mereka dihiburkan selama lebih dua jam oleh kumpulan dari Ireland yang dianggotai oleh Shane Filan, Kian Egan dan Nicky Byrne.

Antara momen menarik apabila Nicky bercanda dalam permainan angkat tangan & turun dalam salah satu segmen menuju pengakhiran konsert. Lucu tapi comel!

Tak menghampakan permintaan Nicky, seluruh arena mengikut arahan manjanya tanpa membantah.

Siri konsert tahun ini menyaksikan Malaysia sebagai penutup tirai jelajah. Oleh itu, persembahan berapi yang disajikan oleh Westlife kali ini umpama lepas gian sebelum pengumuman konsert mereka akan datang.

“Sudah tentu kami akan kembali semula ke sini (Malaysia), selepas 119 kali menjayakan konsert, kami sentiasa merasakan ada nilai sentimental dengan peminat di sini.

“Kami masih ingat ketika kali

pertama tiba di lokasi yang kami berdiri ini sekitar tahun 1999, kami diterbangkan ke sini dengan helikopter.

“Dan tak sangka, kami sekali lagi datang ke sini tahun ini untuk menghiburkan kalian semua,” tambah Shane.

Kian bagaimanapun sempat mengutuskan salam daripada Mark Feehily yang sedang dalam proses pemulihan selepas pembedahannya akhir tahun 2022.

Konsert Westlife The Hits Tour dimulakan menerusi lagu *World of Our Own* bersama lebih 20 untaian lagu-lagu berhantu mereka seperti *I Lay My Love On You*, *Flying Without Wings*, *If I Let You Go*, *Sweat It Again*, *Seasons In The Sun*, *Uptown Girl* dan *My Love*.

Westlife The Hits Tour dianjurkan oleh MMIC Entertainment Group.

Westlife yang ditubuhkan pada 1998 telah merakamkan 12 buah album studio sebelum Brian McFadden meninggalkan kumpulan itu pada tahun 2004.

Kali terakhir Westlife singgah di Kuala Lumpur menerusi konsert jelajah *Westlife the Wild Dreams Tour* pada Februari 2023. 

Perubahan pantas trend terkini

Glamping berdepan cabaran untuk relevan

DIANA AMIR

SEJAK beberapa tahun kebelakangan ini, trend percutan *glamping* yang merupakan kombinasi idea percutan *glamour* dan *camping* menjadi pilihan popular untuk melarikan diri daripada hiruk-pikuk kesibukan kota.

Maka, seperti cendawan tumbuh selepas hujan, pelbagai lokasi menawarkan trend percutan yang sama dalam memenuhi kehendak pelanggan yang tinggi ketika itu antaranya Glow Glamping @ Wetland Putrajaya.

Namun, ternyata trend percutan sebegini tidak kekal lama memandangkan ia sentiasa berubah-ubah dengan kadar lebih pantas lebih-lebih lagi dipengaruhi oleh zaman media sosial.

Berdasarkan kajian trend *glamping* bertahan sehingga tahun

2026 namun di penghujung tahun 2023 sudahpun terdapat trend baharu yang mendapat permintaan tinggi.

Turut berdepan situasi tersebut, pemilik Glow Glamping @ Wetland Putrajaya, **Mohd Nor Arif Mohd Azmi** berkata ia merupakan antara cabaran utama penggiat industri pelancongan sepertinya.

“Minat orang ramai sentiasa berubah dengan cepat. Kalau dulu seawal trend *glamping* ini popular kuasa pembeli berada di tangan Generasi Y seperti golongan ibu bapa yang sukakan alam semula jadi, tumbuh-tumbuhan serta flora dan fauna.

“Akan tetapi sekarang ini kuasa pembeli itu sudah jatuh ke Generasi Z di mana minat mereka adalah berbeza. Disebabkan itu, permintaan untuk perkhemahan gaya glamor ini sudah kurang kerana mereka telah

beralih kepada trend lain sekali gus ia mendapat permintaan tinggi oleh golongan muda yang merupakan pembeli utama pada masa kini,” ujarnya.

Kongsi beliau yang juga merupakan pemilik Gopeng Glamping Park, cabaran lain juga wujud bergantung kepada faktor lokasi.

“Contohnya di Perak, tapak khemah berdekatan dengan sungai yang menjadi tarikan untuk aktiviti berkayak dan *waterfall abseiling* selain pengunjung boleh melakukan aktiviti luaran lain seperti meneroka Gua Tempurung yang berdekatan serta popular.

“Namun di Putrajaya permintaan untuk melakukan aktiviti lasak khususnya sangat sedikit kerana kebanyakan pelanggan yang datang memang hanya mahu berehat dan tidak mahu pergi terlalu jauh untuk menenangkan fikiran. Ia ibarat *short escape* buat mereka. Apa saya boleh cakap adalah *glamping* dalam bandar adalah okey tapi ia tidak serancak di Gopeng,” ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau yang sudah berpengalaman selama lapan tahun dalam industri pelancongan berkata, kos penyelenggaraan yang tinggi juga merupakan antara cabaran yang perlu ditempuhi.

“Di Putrajaya, kita menggunakan khemah yang memerlukan ia ditukar setiap tiga bulan bagi memberi keselesaan serta menjaga kebersihan.

“Selain itu, faktor cuaca yang tidak menentu juga memainkan



peranan, tambahan pula lokasi kita berhampiran dengan stesen janakuasa di mana sekiranya berlaku kilat ia agak berisiko buat pelanggan kami,” katanya.

Sehubungan itu, Arif berkata pihaknya akan melakukan beberapa transformasi untuk terus kekal relevan dalam industri ini.

“Kalau kita lihat sekarang anak muda minat dengan percutan yang berkonsepkan *tiny house* kerana ia lebih privasi serta selesa terutama kepada pelanggan wanita.

“Untuk itu, kita akan lakukan pengubahsuaian dalam tahun ini juga di Glamping Putrajaya untuk memenuhi permintaan percutan berkonsepkan *tiny house* pula.

“Sementara itu, untuk memastikan Glamping Putrajaya terus relevan, fasiliti di sekitar ini akan dilengkapkan kerana apa yang dapat dilihat, segmen untuk keluarga sudah menurun tetapi kita menerima permintaan yang tinggi daripada syarikat untuk program *team building*,” jelas beliau. 

Mekanik kereta api teruskan legasi keluarga

MUNGKIN kita biasa melihat kenderaan seperti motosikal, kereta mahupun lori dibaik pulih atau diselenggara, tetapi jarang pula halnya dengan gerabak kereta api atau lokomotif.

Namun senario ini dapat dilihat di Jalan Tun Abdul Razak, di sini, seawal pukul 8 pagi bila mana **S.Ganesan**, 49, bersama sekumpulan pekerjaanya termasuk jurutera menjalankan kerja-kerja menyelenggara gerabak kereta api dan lokomotif yang dihantar oleh pelanggan ke bengkelnya itu.

“Bidang ini cukup *niche*, pelanggannya tidak ramai, tetapi terdiri daripada syarikat-syarikat besar. Saya mula mengambil alih perniagaan ini daripada bapa saya, mendiang Datuk S Suppiah pada tahun 2018.

“Daripada zero tidak ada sebarang ilmu mengenai penyelenggaraan gerabak kereta api, saya belajar sedikit demi sedikit daripada bapa dan pekerja di sini,” kata Ganesan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Railfreight



GANESAN (kanan) memantau kerja-kerja yang dilakukan oleh mekanik.

Engineering and Logistic Sdn Bhd.

Menyingkap mengenai sejarah dirinya dengan dunia kereta api, anak jati Ipoh ini dan juga siswazah teknologi maklumat dari sebuah kolej swasta ini mempunyai sejarah unik kerana beliau adalah generasi keempat dalam keluarganya yang bekerja dalam bidang berkaitan kereta api.

Menurut Ganesan, mendiang moyangnya Ayadurai yang berasal

dari Jaffna, Sri Lanka, pernah bekerja dengan Malayan Railway sebagai penyelenggara landasan, datuknya Selvaratnam pula bekerja di syarikat sama sebagai ketua bahagian tempahan tiket manakala bapanya pernah bekerja dengan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sebagai pemandu forklift sebelum membuka syarikatnya sendiri.

Walaupun pada mulanya cuba lari daripada bidang tersebut dengan

bekerja sebagai penganalisis teknikal di sebuah syarikat telekomunikasi di Shah Alam, namun sebagai anak lelaki tunggal daripada dua beradik akhirnya Ganesan mengambil keputusan membantu bapanya di syarikat berkenaan.

Antara khidmat yang ditawarkan syarikatnya termasuk kerja-kerja baik pulih melibatkan gerabak dengan kerosakan ringan atau kerosakan teruk akibat kemalangan.

“Selain itu kami menawarkan khidmat *overhaul* iaitu penggantian komponen gerabak dan lokomotif juga *sand blasting* dan mengecat badan gerabak. Untuk melakukan ujian selepas proses *overhaul* kita mempunyai landasan sendiri untuk tujuan itu, jadi pelanggan tidak perlu mengangkut gerabak atau lokomotif tersebut ke tempat mereka untuk melakukan ujian,” kata bapa kepada tiga orang cahaya mata ini.

Landasan syarikat Ganeson sepanjang kira-kira 1.5 kilometer itu dihubungkan ke Stesen Keretapi Ipoh bagi memudahkan gerabak atau lokomotif syarikat pelanggan

dari negeri-negeri yang mempunyai hubungan dengan stesen itu.

Antara pelanggan yang menggunakan khidmat Railfreight Engineering and Logistic ialah KTMB dan syarikat-syarikat pengeluar gula, simen dan komoditi lain.

“Kebiasaannya syarikat-syarikat ini menggunakan gerabak untuk mengangkut produk mereka dari satu lokasi ke lokasi yang lain di seluruh semenanjung khususnya. Jika menggunakan jalan kereta api, sehingga sebanyak 60 gerabak boleh digunakan sekali gus untuk mengangkut produk mereka,” katanya yang juga pernah bekerja sebagai pensyarah kolej.

Tambahnya, dia turut dibantu tiga jurutera mahir dan 12 pembantu teknikal di premisnya.


Memandang ke hadapan, Ganesan berharap agar dua anak lelakinya akan meneruskan legasi keluarganya dalam memberikan khidmat berterusan kepada bidang logistik negara dengan mengambil alih tempatnya di syarikat tersebut pada suatu masa nanti. - **BERNAMA**



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyambut ketibaan Premier Republik Rakyat China, Li Qiang dan delegasi sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik kedua-dua negara di Perdana Putra pagi Rabu.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa hadir merasmikan Program Ibadah Qurban MADANI bersama warga Sekijang di Surau Abu Bakar Al Khired, Bukit Siput serta merasmikan tapak penyembelihan di surau tersebut melibatkan kos pembinaan sebanyak RM50,000 hasil peruntukan Projek Mesra Rakyat yang telah diluluskan pada tahun 2023.



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil menerima kunjungan hormat Menteri Industri dan Teknologi Maklumat China, Yi Jinfeng dan telah membincangkan banyak perkara berkaitan isu telekomunikasi termasuk pelaksanaan rangkaian 5G kedua.



MENTERI Pendidikan, Fadhlina Sidek menghadiri Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang SPM 2023 di Bukit Jawi, Pulau Pinang pada Selasa.



MENTERI Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail meluangkan masa bersama-sama masyarakat kaum India di Dewan Serbaguna Sungai Bakap, Pulau Pinang.



MENTERI Digital, Gobind Singh Deo mengadakan pertemuan dengan CEO Holovis, Stuart Hetherington membincangkan berkenaan pengaruh AI ke atas industri kreatif.

Program Menoktahkan Kanser Serviks

Vaksin HPV percuma kepada golongan B40

DIANA AMIR

DALAM usaha pengesanan awal kanser serviks (pangkal rahim), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) menganjurkan Program Menoktahkan Kanser Serviks yang diadakan di Pusat Pemerkasaan Pendidikan Dan Komuniti (PREPKOM), Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Bonus baru-baru ini.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, **Rohani Hussin** berkata seramai 50 peserta wanita menerima Vaksin *Human Papillomavirus* (HPV) yang merupakan kaedah baru bagi pengesanan awal kanser serviks.

“Peserta dibekalkan dengan kit ujian HPV dan mereka boleh mengambil sampel menggunakan kaedah persampelan sendiri,” ujarnya selepas menghadiri program tersebut.

Rohani berkata kanser serviks merupakan kanser ketiga paling tinggi dalam kalangan wanita di negara ini.

“Program ini merupakan satu langkah yang baik kerana kita berusaha memberi kesedaran kepada orang ramai berkenaan bahayanya penyakit ini serta peri pentingnya melakukan rawatan kesihatan.

“Adalah lebih baik untuk kita mengetahui di peringkat awal agar ia dapat dirawat dengan kaedah yang tepat kerana saya percaya setiap penyakit pasti ada ubatnya,” ujarnya.

Rohani berkata program tersebut dibuka kepada golongan B40 kerana kos untuk mendapatkan rawatan kanser serviks di luar mahal sekali gus membuktikan betapa kerajaan dan YWP mengambil berat tentang kesihatan rakyat.

“Hargai kesihatan diri bagi mengelakkan terkena kanser serviks dan dapatkan rawatan serta nasihat pakar. Jangan sesekali mengambil sebarang suplemen yang tidak pasti kesahihannya,” pesan beliau.

Dalam pada itu, Rohani turut berharap agar kerjasama strategik ini dapat memperluaskan kesedaran



ANTARA peserta dan sukarelawan ketika Program Menoktahkan Kanser Serviks.

masyarakat terhadap penyakit kanser serta dalam masa sama membawa manfaat kepada orang ramai.

Terdahulu, NCSM menjalankan

program tersebut sebagai pelengkap kepada Program Imunisasi Kebangsaan Malaysia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Melalui

program ini, vaksin HPV akan diberikan kepada golongan kurang berkemampuan, terpinggir dan pedalaman di setiap 222 kawasan Parlimen di Malaysia. 

Pos Malaysia perkenal UMP

POS Malaysia Berhad (Pos Malaysia) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kiplepay melancarkan sistem pembayaran dalam talian untuk perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP).

Usaha ini mencerminkan komitmen bersama untuk memperbaiki dan meningkatkan kemudahan sistem kesihatan bagi rakyat Malaysia, terutamanya bagi mereka yang mempunyai keupayaan terhad untuk mengunjungi fasiliti kesihatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pos Malaysia, **Charles Brewer** berkata ciri pembayaran dalam talian yang diperkenalkan baru-baru ini, diintegrasikan melalui gerbang pembayaran Pos Malaysia ke dalam aplikasi MyUBAT KKM di mana membolehkan pesakit membuat pembayaran yang selamat dan mudah dari mana-mana sahaja.

“Sistem ini menyokong pelbagai kaedah pembayaran, termasuk kad kredit dan debit serta perbankan dalam talian, memastikan proses transaksi yang lancar bagi semua pengguna.

“Perkhidmatan UMP yang beroperasi sejak tahun 2011 adalah penting dalam memastikan pesakit menerima ubat yang ditetapkan secara langsung di rumah mereka dan memudahkan pematuhan kepada ubat-ubatan yang ditetapkan.

“Bagi tempoh Julai sehingga Disember 2023, UMP dan Pos Malaysia telah menghantar lebih daripada 348,501 bungkusan preskripsi, menekankan peranannya yang penting dalam menyokong inisiatif sistem kesihatan KKM,” ujarnya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Jelasnya, inisiatif ini mempamerkan komitmen pihaknya terhadap inovasi dan kebolehcapaian dalam penjagaan kesihatan.

“Dengan mengintegrasikan teknologi pembayaran canggih ini ke dalam perkhidmatan UMP dengan lancar, kami sedang menyusun semula operasi dan memastikan akses yang mudah bagi kemudahan semua. Ini menunjukkan dedikasi kami

dalam memenuhi pelbagai keperluan rakyat.

“Dengan rangkaian penghantaran destinasi terakhir yang menjangkau lebih daripada 11 juta alamat dan lebih daripada 3,500 titik sentuh di seluruh negara, Pos Malaysia memainkan peranan penting dalam menghubungkan komuniti dan perniagaan.

“Pengenalan pembayaran dalam talian untuk UMP bukan sahaja mencerminkan komitmen kami untuk berinovasi tetapi juga usaha gigih kami dalam meningkatkan perkhidmatan. Pos Malaysia bersemangat dalam membina kepercayaan untuk menghubungkan kehidupan dan perniagaan demi masa hadapan yang cemerlang,” ujarnya. 



LEBIH 348,501 preskripsi telah dihantar daripada Julai sehingga Disember 2023.



RAMANAN (empat dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada frontliners.

SKM santuni 466 petugas barisan hadapan

SURUHANJAYA Koperasi Malaysia (SKM) menyampaikan sumbangan pek makanan kepada petugas barisan hadapan Fakulti Perubatan, Hospital UiTM Sungai Buloh, Selangor bagi menghargai pengorbanan mereka yang tidak dapat pulang ke kampung ketika sambutan Hari Raya Aidiladha 1445H baru-baru ini.

SKM dalam kenyataannya berkata sumbangan tersebut telah diserahkan kepada 466 orang wakil-wakil petugas semua fakulti perubatan di hospital berkenaan.

“SKM tampil menyampaikan sumbangan berupa makanan dan minuman kepada petugas hospital yang merawat pesakit demi menyahut seruan kerajaan agar terus berbakti kepada frontliners yang tidak dapat merayakan perayaan bersama keluarga kerana tugas hakiki kepada masyarakat.

“Penghargaan itu disampaikan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui SKM menerusi Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) SKM Prihatin bersempena Hari Raya Aidiladha 1445H yang berlangsung di Fakulti Perubatan Hospital UiTM, Sungai Buloh.

“CSR ini telah disampaikan oleh Timbalan Menteri KUSKOP, Datuk Ramanan Ramakrishnan,” katanya.

Tambahnya, sumbangan kecil ini jelas menghadirkan senyuman kepada kakitangan di hospital ini kerana ia melambangkan keprihatinan masyarakat dan menghargai kerja keras frontliners.

“Doa kita semua semoga sedikit pemberian ini mampu melancarkan tugas para frontliners,” ujarnya. 

[HOME](#)[ABOUT US](#)[CONTACT US](#)[LOG IN](#)[SIGN UP](#)

Waspada Jerat **SCAMMER**



**RAMAI SUDAH MASUK PERANGKAP TAPI ANDA
YANG BIJAK TIDAK AKAN MUDAH TERPEDAYA
DENGAN PENJENAYAH SIBER**

Bimbang keselamatan serta risiko penularan penyakit

Pertambahan anjing liar resahkan penduduk

KHAIRUL IDIN

ISU anjing liar yang telah berlarutan sejak beberapa tahun di sekitar Taman Perumahan Mutiara di Kampung Sungai Bedaun di sini mengundang kebimbangan kepada orang awam khususnya masyarakat setempat.

Penduduk, **Zulzaimie Henry**, 24, menyifatkan kewujudan haiwan itu menimbulkan perasaan tidak selesa dan

menjijikan apabila najis haiwan itu di kesan di merata-merata tempat khususnya kawasan letak kereta.

“Sejak berpindah ke taman perumahan ini sekitar dua tahun lalu, agak mengejutkan kerana banyak anjing liar berkeliaran terutama pada waktu pagi dan malam malah sentiasa bertambah dari masa ke semasa.

“Di sini sahaja lebih 20 ekor anjing liar yang berkeliaran dan sering dilihat menyelongkar tempat

pembuangan sampah sehingga menyebabkan kawasan tersebut bersepah dan seperti tidak diurus dengan baik,” katanya kepada *Wilayahku*.

Zulzaimie berkata isu tersebut telah berlarutan sejak dahulu lagi dan pihak berkuasa perlu mengambil tindakan berikutan jumlahnya semakin bertambah dan menyebabkan keselamatan

terganggu.

Bagi pemilik kedai makan, **Mustafa Mohd Adam**, 38, isu anjing liar itu turut memberikan

kesan kepada perniagaannya berikutan kedainya dipenuhi dengan sampah yang dibawa oleh haiwan itu khususnya setiap pagi.

“Perkara ini telah bertahun-tahun dialami, perasaan geram



PERTAMBAHAN anjing liar menyebabkan gangguan keselamatan. - Gambar hiasan

dan marah itu memang ada namun apa daya saya untuk menghalang perkara itu tidak berulang lagi. Selain itu, saya sudah letih dengan perkara ini dan hanya mampu membersihkan kawasan kedai sebelum memulakan perniagaan,” katanya.

Mustafa berharap pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat mengambil tindakan

segera untuk mengatasi masalah anjing liar ini berikutan kehadiran haiwan tersebut menjejaskan kebersihan dan perniagaannya.

Bagi pelajar, **Muhammad Alif Haziq**, 13, berkata kumpulan anjing liar itu kebiasaannya berkeliaran dekat kawasan taman permainan pada waktu petang.

Lebih daripada lima ekor anjing

liar akan berkeliaran di kawasan taman permainan. Kadang-kadang saya bersama adik dan kawan-kawan mahu bermain di kawasan itu terpaksa membatalkan niat kerana kami takut dikejar atau digigit,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Sungai Bedaun, **Rosmani Puteh** berkata pihaknya sering menerima aduan anjing liar dan telah memanjangkan rungutan penduduk kepada pihak PBT.

“Saya tidak menafikan isu ini sering disuarakan khususnya penduduk di Perumahan Mutiara,

setiap aduan yang kami terima telah dilaporkan kepada PBT iaitu Perbadanan Labuan (PL) untuk tindakan selanjutnya.

“Walaupun bagaimanapun, penduduk perlulah memberikan kerjasama agar ia dapat diatasi dengan kadar segera

demi keselamatan dan kesejahteraan masyarakat setempat,” katanya.



ZULZAIMIE



MUSTAFA



ALIF HAZIQ



ROSMANI

Tambah baik infrastruktur

PERBADANAN Labuan (PL) bertekad untuk mengubah Labuan menjadi lebih indah dan ceria menerusi pelbagai kerja-kerja penambahbaikan infrastruktur kemudahan di pulau itu sepanjang tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Rithuan Mohd Ismail** berkata perkara itu menjadi keutamaan pihaknya untuk menjadikan Labuan setanding dengan bandar di tempat lain sekali gus meningkatkan imejnya sebagai wilayah terbaik di rantau ini.

Katanya, antara bukti usaha pihaknya untuk mencapai matlamat itu dapat dilihat menerusi beberapa projek penambahbaikan infrastruktur di Bulatan Merdeka dan Taman Mini Jalan Bunga Melor yang menjadi satu tarikan baharu kepada masyarakat tempatan mahupun luar.

“Alhamdulillah, ini merupakan salah satu usaha daripada Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) menerusi PL dalam projek pengindahan bandar yang mana telah berjaya kita laksanakan dan kita berharap ia menjadi satu kebanggaan kepada masyarakat di pulau ini.

“Dengan siapnya taman mini ini, ia dapat digunakan dengan sebaiknya oleh warga Labuan dan kita juga berharap agar tiada berlakunya vandalisme yang akan mencacatkan keindahan dan keselesaan,”

katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Taman Mini Jalan Bunga Melor baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan Simsin Sidek dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Fadillah Mahmud.

Taman Mini tampil dengan imej baharu yang berkonsepkan hidupan marin dan juga pengcahayaan LED pada waktu malam. Taman itu juga merupakan kesinambungan kepada konsep reka bentuk Bulatan Merdeka.

Mengulas lanjut, Rithuan turut memaklumkan beberapa projek penambahbaikan

infrastruktur yang bakal diluluskan dan yang akan dilaksanakan bagi tahun ini.

“Antara projek yang bakal dilaksanakan adalah menaik taraf beberapa jalan raya utama di Bulatan Merdeka dan tapak bangunan baharu di Jalan Baharu Membedai.

“Selain itu, pada tahun ini juga kita akan melaksanakan beberapa projek menaik taraf tapak baharu iaitu pembinaan menara tinjau, gerai-gerai serta tandas awam di Jalan baharu Membedai.

“Kita berharap dengan pelaksanaan beberapa projek menaik taraf infrastruktur ini akan memberikan sinar baharu kepada Labuan,” katanya.



RITHUAN (kanan) ketika melancarkan Taman Mini Jalan Bunga Melor.



Semai perpaduan rakyat

PERPADUAN merupakan asas kekuatan masyarakat bagi mencapai kestabilan negara dan dilihat menjadi pemangkin kepada kesejahteraan dan keharmonian.

Menurut Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan (PL) **Simsudin Sidek**, penganjuran Karnival Kita Madani 2024 menjadi landasan terbaik dalam memperkukuhkan perpaduan dan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat.

Katanya, penganjuran program sedemikian bertepatan dengan aspirasi memupuk semangat perpaduan dalam usaha bersama-sama berganding bahu memajukan pulau ini.

“Kita merupakan satu keluarga besar berkongsi satu negara untuk bersama-sama membina sebuah masyarakat

yang progresif, inklusif dan harmoni.

“Walaupun kita berbeza dari segi latar belakang aliran politik, budaya dan kepercayaan, namun dengan adanya penganjuran seperti ini ia mampu mengeratkan lagi silaturahim serta mampu membina masyarakat yang harmoni,” katanya semasa Program Karnival Kita Madani 2024 baru-baru ini.

Turut hadir Pengarah Jabatan Penerangan (JaPen) Labuan, **Azman Sipan**.

Pada penganjuran itu, pelbagai pengisian turut diadakan antaranya pemeriksaan kesihatan, derma darah, taklimat isu semasa, pertandingan mewarna pelajar sekolah, pameran daripada pelbagai agensi dan jabatan kerajaan serta penyerahan dekoder MyTV.

Program bersiri Kelulut Putrajaya

Tingkat daya saing penghasilan madu

SABRINA SABRE

PROJEK penternakan lebah kelulut oleh komuniti Putrajaya dengan kerjasama pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) di bawah Program Pertanian Bandar Wilayah Persekutuan sejak tahun 2015 berjaya mendapat permintaan meluas dari dalam dan luar negara.

Berpotensi tinggi untuk dikomersialkan secara meluas, projek tersebut mencatat kejayaan membanggakan apabila memenangi Malaysian Landscape Architecture Award 2017: Putrajaya Meliponine A Friendly Sustainable Approach (Perbadanan Putrajaya).

Projek penternakan lebah kelulut yang dijalankan di Laman Kelulut Taman Botani Putrajaya, Presint 1, Kebun Kelulut P15H 4/5, Kebun Kelulut Rimba Desa P9 dan Kebun Kelulut P16 itu juga turut menerima lawatan teknikal dari negara-negara ASEAN, agensi dan institusi pendidikan.

Bagi memajukan lagi penternakan kelulut komuniti Putrajaya dengan pengiktirafan melalui pensijilan standard Amalan Pertanian Terbaik (MyGAP), pihak PPj dengan kerjasama National Institute of Biotechnology Malaysia (NIBM) memperkenalkan siri Program Kelulut Putrajaya Ke Arah Amalan Penghasilan Madu Terbaik.

Menurut Penolong Pengarah Bahagian Seksyen Flora dan



SEORANG kakitangan menunjukkan cara pengambilan madu daripada sarang kelulut.

Fauna, Bahagian Botani PPj, **Fatin Nabilah Huda Ismail** berkata ia adalah galakan bagi meningkatkan kemahiran dan daya saing peserta program dalam menambah baik dan meningkatkan kelestarian penternakan kelulut di Putrajaya.

“Penganjuran program yang bermula pada pukul 9 pagi hingga 4 petang ini akan melibatkan komuniti penternak kelulut di Putrajaya. Terdapat dua fasa utama iaitu fasa pemindahan teknologi dan fasa pemantauan. “Bagi fasa pertama, satu

kursus akan diadakan selama tiga hari berdasarkan modul yang dibangunkan oleh pihak NIBM bagi pembangunan kelulut lestari dan produk hiran (Propolis Shower Gel) di Putrajaya. Fasa seterusnya penternak akan dipantau dengan kaedah mentor mentee bagi memantau keberkesanan modul yang dijalankan,” ujarnya siri penyertaan dan makanan turut disediakan untuk para peserta.

Fatin berkata objektif program yang diadakan pada 25 hingga 27

Jun 2024 itu adalah untuk melatih penternak kelulut untuk lebih berkemahiran dan berdaya saing.

“Selain itu, ia juga bertujuan untuk menjaga kelestarian makanan melalui penghasilan madu kelulut yang memenuhi MyGAP selain dapat menghasilkan madu yang memenuhi piawaian dan standard sebenar,” ujarnya.

Dalam masa sama, Fatin memberitahu Laman Kelulut Putrajaya tidak hanya berfungsi sebagai destinasi menarik malah ia juga turut dijadikan sebagai hab

pendidikan dan penyelidikan oleh pelbagai pihak termasuklah pelajar universiti dan agensi.

“Sebagai bandar dalam taman, hasrat Putrajaya adalah untuk menjadikan bandar ini sebagai hab pendidikan kelulut dan penyelidikan industri kelulut di negara ini di samping penanaman tumbuh-tumbuhan yang disukai oleh lebah kelulut di sekitar Putrajaya.

“Di lokasi berkenaan turut diletakkan papan maklumat bergambar bagi menerangkan lebih lanjut tentang lebah kelulut seperti jenis kasta, sumber makanan, fakta menarik yang perlu diketahui dan lain-lain.

“Antara perkara yang boleh diketahui oleh pengunjung adalah perbezaan lebah kelulut dan lebah biasa di mana ia sejenis lebah yang tidak mempunyai sengat berbisa berbanding lebah biasa. Lebah kelulut ini juga tidak menggunakan sengatan sebagai pertahanan diri. Selain itu, mereka juga boleh mengetahui ciri-ciri, fungsi, sumber makanan, pelbagai jenis corong kelulut dan sebagainya,” ujarnya.

Terdahulu, penternakan lebah kelulut yang diuruskan penduduk diusahakan sebagai produk kesihatan atau hiran yang mana ia boleh diperolehi daripada mana-mana kebun yang mengusahakan produk kelulut tersebut. 

Teratai Gergasi mekar indah di Taman Botani

SPESIES Teratai Gergasi yang ditemui di Taman Botani Putrajaya menjadikan ia sebagai salah satu tarikan menarik di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan tersebut.

Menurut Senior Gardener Perbadanan Putrajaya (PPj), **Mohd Nor Jamalul Lail Mohd Dasuki**, *Victoria amazonica* atau lebih dikenali sebagai Giant Water Lily (Teratai Gergasi) yang terdapat di Taman Botani Putrajaya itu merupakan hadiah yang diberikan oleh Taman Botani Pulau Pinang pada tahun 2016.

“Pihak kami berjaya mendapatkan biji benih daripada pokok asal dan telah disemai untuk menambah koleksi. Selain daripada itu, ia juga merupakan salah satu usaha dan inisiatif pihak PPj dalam mempelbagaikan koleksi di Taman Botani untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan.

“Spesies tumbuhan akuatik yang berasal dari keluarga Nymphaeaceae yang luar biasa saiznya itu pertama kali dijumpai pada tahun 1832 di benua Amerika Selatan dan mudah didapati di sepanjang Sungai Amazon. Genera tumbuhan ini dinamakan dengan



TAMAN Botani Putrajaya menjadi tarikan pengunjung untuk menyaksikan Teratai Gergasi yang sedang mekar.

Victoria sebagai penghormatan kepada Queen Victoria (1819-1901).

“Antara ciri unik *Victoria amazonica* ialah ukuran daunnya yang lebar dengan garis tengah yang mencapai dua meter. Daun ini berwarna hijau dan mempunyai warna merah manggis (*maroon*) di bawahnya. Setiap bahagian bibir daun pula kelihatan melengkung ke

atas yang mana pada lekukan itu terbentuk dua takuk di bibir daun.

“Bentuknya yang seakan-akan muncung cerek berfungsi untuk mengalirkan air hujan yang bertakung di atasnya. Anggaran berat setiap daun boleh mencecah lebih 30 kilogram yang mana boleh dikatakan ia sangat berat jika dibandingkan dengan dedaun tumbuhan biasa.

“Bunganya berwarna putih dan kebiasaannya bertukar warna menjadi merah muda selain mekar pada malam serta mengeluarkan bau yang wangi. Bunga ini juga didebungakan oleh kumbang yang aktif pada waktu malam. *Victoria amazonica* boleh dibiakkan melalui biji benih dan keratan,” ujar beliau.

Dalam masa sama, Mohd Nor berkata kebolehan Teratai Gergasi ini mengapung di atas air sebenarnya terletak pada struktur anatomi daunnya.

“Pada bahagian bawah permukaan daun, terdapat saluran putih seperti sarang labah-labah yang berfungsi sebagai tulang rusuk. Ia berongga dan memiliki kemampuan yang sangat tinggi sebagai perangkap udara.

“Udara yang terperangkap dalam ruang di antara tulang rusuk ini membolehkan daun terbesar di dunia ini terapung cantik di atas permukaan air. Batangnya pula tenggelam dalam air dan panjangnya boleh mencecah antara tujuh hingga lapan meter,” ujarnya.

Selain itu, beliau berkata terdapat duri tajam meliputi bawah daun, batang dan tunas

bunga bagi melindunginya daripada dimakan haiwan seperti ikan.

“Namun di sebalik saiznya yang sangat besar, daun teratai ini sebenarnya rapuh. Daunnya mudah bocor atau terkoyak jika tercucuk sama ada menggunakan tangan atau kaki. Berdasarkan uji kaji terhadap ketahanan daun tersebut, didapati daun teratai *Victoria* yang matang ini boleh menyokong beban seberat 70 kilogram.

“Lebih daripada itu akan menyebabkan daun raksasa itu terkoyak. Suatu ketika dahulu, pernah tersebar gambar yang menunjukkan manusia berdiri di atas daun gergasi ini. Selepas diselidiki, rupa-rupanya terdapat lembaran cermin telah diletakkan di atas permukaan daun itu untuk menampung berat subjek,” ujarnya.

Mohd Nor memberitahu spesies tumbuhan itu perlu dilindungi dan menjadi tanggungjawab semua bagi mencegah sebarang bentuk vandalisme terhadapnya.

Pengunjung yang ingin melihat sendiri tumbuhan ini, boleh datang ke Zon Etnobotani di Taman Botani Putrajaya. 

Malaysia sentiasa di hati

Misbun Sidek ingin terus tabur bakti

SABRINA SABRE

PEPATAH hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri adalah istilah tepat menggambarkan pendirian **Datuk Misbun Sidek** apabila legenda badminton negara itu mahu terus menabur bakti menurunkan ilmu dalam arena badminton di Malaysia.

Menurut Misbun, hatinya belum terbuka untuk menerima mana-mana tawaran luar negara bagi mendapatkan khidmatnya sebagai jurulatih buat masa ini namun tidak menolak kemungkinan akan berbuat demikian pada masa hadapan.

“Saya masih buat bimbingan untuk persendirian selain sebagai perunding iaitu macam mana ingin tingkatkan taraf daripada soal latihan untuk pembangunan di Malaysia.

“Tawaran sebagai jurulatih sentiasa ada selain sesi pujuk-memujuk dari luar negara, tetapi saya ini daripada dulu macam itu. Mungkin akan datang kita tidak tahu, tetapi apa yang saya buat sekarang, jika anda mahu saya, anda nak belajar, anda datang Malaysia, senang,” ujar beliau.

Sebelum ini Kelab Badminton Nusa Mahsuri yang berpangkalan di Ampang menerusi hantaran Facebooknya pernah

berkongsi Misbun telah ‘melanyak’ tiga pemain remaja Thailand ketika menjalani latihan intensif hampir sebulan.

Beliau meninggalkan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) selepas badan induk itu memutuskan pada 28 Julai tahun lalu untuk menamatkan kontraknya lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan.

Misbun yang ketika itu Pengarah Pembangunan Remaja Perseorangan Akademi Badminton Malaysia (ABM) meluahkan rasa terkilan dan kecewa kerana penamatan kontraknya dibuat tanpa persetujuan bersama.

Presiden BAM, Tan Sri Mohamad Norza Zakaria bagaimanapun membuat permohonan maaf secara terbuka menerusi sidang media dengan menawarkan kepada Misbun untuk menghabiskan kontrak asal bersama ABM hingga hujung tahun lepas.

Namun Misbun menolak tawaran berkenaan selepas kemelut membabitkan beliau dan BAM menemui jalan pendamaian.

Selepas itu media melaporkan Misbun telah menerima sekurang-kurangnya lima tawaran dari luar negara namun enggan mendedahkan senarai negara yang cuba ‘memancingnya’.



KHIDMAT Misbun Sidek jadi buruan negara jiran.

Sedia lahir pelapis juara dunia

KEJAYAAN sulung bergelar Olahragawan Kebangsaan pada Majlis Anugerah Sukan Negara (ASN) 2023 membakar semangat Datuk Mohd Syarul Azman Mahen Abdullah untuk melahirkan juara dunia baharu pada masa depan.

Mohd Syarul atau lebih dikenali dengan panggilan **Mike Mahen** yang dilantik sebagai jurulatih bina badan negara selepas bersara Mac lepas berkata beberapa atlet berpotensi untuk digilap mengikut jejak langkahnya yang berjaya menguasai pentas antarabangsa sebanyak enam kali sebelum ini.

“Alhamdulillah lepas bersara saya dapat gelaran Olahragawan Kebangsaan, ini merupakan penghargaan tertinggi buat saya.

“Seperti semua tahu kita mempunyai banyak atlet berpotensi dari Sarawak, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Johor, cuma perlu dibawa ke landasan betul.

“Juara dunia baharu mungkin boleh dicapai dalam masa dua hingga tiga tahun lagi,” ujar beliau.

Selain bergelar juara Asia buat kali keenam tahun lepas, Mike Mahen kini berdiri sebaris dengan pemenang lain termasuk dua legenda bina badan negara, Datuk Abdul Malek Noor (1986) dan Sazali Samad (2000, 2006, 2013 dan 2014) selepas pulang dengan tangan kosong dalam lima pencalonan sebelum ini.

Beliau mengetepikan cabaran empat calon lain iaitu Muhamad Rafiq Ismail (tenpin boling) dan tiga pemenang emas Sukan Asia Hangzhou 2022 iaitu Ng Eain Yow (skuasy), Mohd Qabil Ambak Mahamad Fathil (ekuestrian) serta Muhammad Arif Afifuddin Ab Malik (karate).



MIKE MAHEN bersama trofi Olahragawan Kebangsaan di Anugerah Sukan Negara 2023.

Sementara itu, Olahragawati Kebangsaan, Natasha Mohamed Roslan daripada sukan tenpin boling pula berharap dapat memberikan persembahan terbaik pada kejohanan Terbuka Antarabangsa Sarawak 2024 yang berlangsung pada 10 hingga 15 Jun lalu sekali gus melayakkan diri ke Kejohanan Tenpin Boling Asia 2024 pada 14 hingga 26 September ini di Bangkok, Thailand.

Juara Kejohanan Dunia 2023 itu meraih anugerah tersebut buat kali pertama dalam kariernya dengan mengatasi saingan bintang skuasy

negara, S. Sivasangari, Nur Amisha Azrilrizal (Muay Thai), Nur Syazrin Mohamad Latif (pelayaran) dan Nurul Alyani Jamil (boling padang).

Sebagai rekod, kali terakhir atlet boling wanita merangkul gelaran Olahragawati Kebangsaan adalah menerusi Datuk Shalin Zulkifli pada 2002.

Anugerah berprestij yang diperkenalkan pada 1966 itu ialah pengiktirafan tertinggi kerajaan bagi menghargai kecemerlangan sepanjang tahun dicapai atlet, jurulatih, pegawai dan persatuan sukan kebangsaan.

Bola sepak menanti Faisal Halim

MENTERI Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** mahu memastikan pemain bola sepak kebangsaan dan Selangor FC, Mohamad Faisal Abdul Halim atau Faisal Halim pulih sepenuhnya sebelum kembali beraksi.

Beliau yakin bahawa pemain sayap berusia 26 tahun yang menjadi mangsa serangan asid itu sememangnya mempunyai tekad yang tinggi untuk kembali beraksi namun tidak mahu Faisal terburu-buru kembali ke padang.

“Saya nak pastikan beliau ambil masa dan pastikan betul-betul pulih sebelum keluar bermain kerana saya rasa bola sepak akan menunggu Faisal.

“Saya harap beliau jangan tergesa-gesa, pastikan beliau sembuh sepenuhnya kerana bola sepak perlukan beliau,” ujar beliau.

Pada 5 Mei lepas, atlet kelahiran Pulau Pinang itu dilaporkan mengalami kecederaan melecur tahap empat pada beberapa

bahagian anggota badan selepas disimbah asid oleh individu tidak dikenali di sebuah pusat beli-belah di Petaling Jaya dan terpaksa dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) selama kira-kira 10 hari.

Seterusnya pada 25 Mei, Selangor FC menerusi kenyataan mengesahkan pemain sayapnya itu dibenarkan keluar dari sebuah hospital swasta di sini selepas menjalani empat pembedahan susulan insiden berkenaan.

Faisal yang membuat penampilan pertama di khalayak umum sejak insiden itu pada sidang media baru-baru ini mengakui rindu untuk beraksi di atas padang namun mahu memberikan fokus terhadap proses pemulihan terlebih dahulu.

Sehingga sekarang polis masih belum dapat mengenal pasti motif kejadian simbah asid melibatkan tonggak utama Selangor FC dan Harimau Malaya itu.



HANNAH

Berkorban apa sahaja

SEMPENA sambutan Hari Raya Aidiladha yang menuntut umat Islam melakukan ibadah korban baru-baru ini, ia mengingatkan kita semua tentang peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim. Di sebalik peristiwa yang

cukup bermakna itu, terdapat mesej yang boleh dijadikan panduan buat kita semua iaitu pengorbanan yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT.

Sudah tentu dalam kehidupan ini, banyak

pengorbanan yang telah kita lakukan. Untuk itu, mari kita selami dengan lebih mendalam ertinya bersama wartawan **DEEL ANJER** dan selebriti popular **HAQIEM RUSLI**, **SHIHA ZIKIR** dan **ANDI BERNADEE**. 

Didik hati sentiasa sabar

PELANTUN lagu Kais Pagi Kais Petang, Andi Bernadee berkata ibadah korban mendidik hati agar sentiasa bersabar dalam setiap ujian yang diberikan.

“Bagi saya peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail AS sebenarnya mendidik diri untuk tanam sikap sabar serta jangan mudah mengeluh.

“Dalam bersabar itu, kita menyerah dan bertawakal kepada-Nya. Saya yakin, setiap yang berlaku sama ada kita suka atau tidak adalah ketentuan Allah SWT.

“Siapa kita untuk meniadakan ketentuan itu yang ternyata mempunyai hikmah yang tidak kita sedari. Sabar itu sangat indah. Iya, ia membuatkan kita lebih gembira dan bahagia dalam menjalani kehidupan yang pasti ada naik turunnya tanpa kita duga,” katanya.

Dalam masa yang sama, Andi berkata antara hikmah lain di sebalik ibadah korban ini adalah dapat mengikis sifat tamak.

“Ibadah korban juga mengingatkan kita agar menerapkan sifat murah hati untuk membelanjakan harta ke jalan Allah. Kita semua tahu harta yang dimiliki bukan milik kita sepenuhnya kerana dalamnya ada hak orang lain seperti fakir miskin.

“Harta itu hendaklah disalurkan untuk sedekah, infaq, zakat dan membantu mereka yang memerlukan melalui ibadah korban,” tambahnya lagi. 



Mengajar diri tidak terlalu berkira

PENYANYI yang popular menerusi lagu Tergantung Sepi, Haqiem Rusli menganggap ibadah korban membawa maksud yang amat besar bagi dirinya.

Selain mengabdikan diri kepada Allah, ibadah korban mengajarnya erti kehidupan yang sebenar.

“Ia mendidik untuk tidak sombong dan hanya memikirkan kepentingan diri tanpa mepedulikan orang di sekeliling yang mungkin memerlukan perhatian atau bantuan.

“Jika dipandang dari sudut kemasyarakatan hari ini, ia menggambarkan bagaimana seseorang individu berusaha mengorbankan harta atau wang ringgit hasil dari titik peluh mereka untuk melakukan ibadah korban setiap tahun di samping komitmen lain yang perlu dipikul.

“Situasi ini sudah tentunya mengajar kita agar tidak berkira-kira terutamanya dalam melaksanakan ibadah yang dituntut dalam Islam,” katanya.

Haqiem juga berharap masyarakat tidak terlalu membanding-bandingkan siapa melakukan korban lebih mahal atau sebaliknya.

“Tidak timbul soal siapa bayar mahal atau murah, kerana bukan itu yang kita tekankan. Soal harga itu bergantung kemampuan masing-masing. Apa yang penting, ikhlas kerana Allah.

“Bagi saya dalam hal ini mesej pengorbanan itulah yang perlu kita serap dan amalkan dalam kehidupan. Jika direnung betul-betul, betapa indahnya pengorbanan ini kerana ia menjadikan masyarakat lebih sejahtera dan harmoni,” tambahnya. 



Lahir kasih sayang

ARTIS versatil, Shiha Zikir menganggap mesej ibadah korban itu perlu diterapkan dalam diri sepanjang masa dan bukannya hanya pada Hari Raya Aidiladha.

Pelantun lagu AEWO ini melihat ia membawa peluang kepada setiap individu muslim untuk membantu saudara seagama yang dalam kesusahan serta memerlukan.

“Antara hikmah di sebalik ibadah ini adalah menggalakkan umat Islam untuk bersedekah dengan memberi hasil haiwan yang terbaik untuk dikorbankan.

“Amalan memberi ini secara tidak langsung mendidik kita agar sentiasa bertoleransi, menyebarkan kasih sayang dan bantu-membantu antara satu sama lain.

“Kita pun semua tahu, manusia yang paling dicintai oleh Allah adalah yang paling bermanfaat untuk manusia. Allah cukup suka kepada hamba-Nya yang suka membuatkan orang lain gembira,” katanya.

Menyentuh soal pengorbanan, Shiha berkata setiap orang ada kisahnyanya dan mempunyai cara tersendiri dalam melakukan pengorbanan.

“Saya yakin kita semua pasti pernah melakukan pengorbanan. Apa jua bentuk pengorbanan itu, jangan disesali kerana Allah akan menggantikan sesuatu yang lebih baik sama ada di dunia atau akhirat.

“Macam saya, apa yang boleh dikongsi, selepas tamat sekolah dulu, saya bekerja buat apa sahaja untuk belajar berdikari dan membantu keluarga.

“Alhamdulillah, saya bersyukur kerana pengorbanan yang dilakukan tidak sia-sia dan saya sentiasa yakin dengan kuasa-Nya.

“Dalam kita melakukan pengorbanan, ikhlaskan hati agar dapat merasai nikmat pengorbanan. Perasaan itu tidak boleh dibeli dengan wang ringgit,” ujarnya.

Tambahnya, ibadah korban juga membuang perasaan memiliki ke atas sesuatu kerana atas dunia ini hakikatnya kita tidak miliki apa-apa sebab semuanya milik Allah SWT. 



**Berkorban
apa sahaja** ▶▶ 23



**Sedia lahir
juara dunia
baharu** ▶▶ 22

Elak kepincangan akhlak pada masa depan

Pendidikan agama bermula dari rumah

SYED HAZIQUE

PERANAN ibu bapa dalam agama Islam adalah amat besar. Anak-anak seperti kain putih yang bersih. Jika betul corak dan warnanya, maka cantiklah hasilnya nanti.

Rasulullah SAW bersabda, *“Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua-dua ibu bapanyalah yang mencorakkannya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi.”* - Hadis Riwayat Bukhari 1385.

Maksud fitrah dalam hadis tersebut, setiap anak-anak yang dilahirkan sebagai Muslim, maka ibu bapanya bertanggungjawab memberikan ajaran agama yang sempurna agar mereka kekal atas fitrah Islamnya serta tidak dipengaruhi sesuatu yang merosakkan fitrah kejadiannya.

Maka, jelaslah di sini betapa besarnya peranan ibu bapa sejak anak tersebut dalam kandungan sehinggalah ke akhir hayatnya. Ternyata tugas itu bukanlah perkara yang mudah kerana amanah yang diberi oleh Allah SWT ini perlu dijaga sebaik-baiknya.

Daripada Ibnu Umar RA, Baginda Rasulullah SAW menerangkan bahawa setiap daripada kita ini adalah pemimpin dan akan dipersoalkan tentang perkara yang menjadi jagaan kita.

Untuk itu, ibu bapa sendiri perlu mempunyai ilmu agama, jika tidak maka anak-anak akan mengalami kepincangan akhlak pada masa hadapan. Pendidikan

agama bermula di rumah sendiri kerana anak-anak mempunyai masa yang panjang bersama kita.

Biar pun di sekolah turut diajarkan pengajian Al-Quran dan fardu ain namun tidak munasabah jika hanya mengharap anak-anak memperolehinya di luar semata-mata.

Pendakwah bebas, **Shahrin Abd Rahman** berkata adalah menjadi tanggungjawab bagi ibu bapa untuk mengajar dan mendidik anak-anak agar mematuhi hukum-hukum syarak.

“Anak-anak perlu diajar ilmu agama tanpa hanya mengharapkan daripada kelas-kelas agama. Janganlah ambil sikap sambil lewa terhadap perkara ini kerana ia adalah satu perkara yang wajar diberi perhatian.

“Jika ibu bapa hanya mengharapkan kelas-kelas agama tanpa diterapkan nilai tersebut di rumah akan menyebabkan anak-anak merasakan bahawa agama hanya terhad di sekolah sahaja bukan di rumah dan lingkungannya.

“Di sini mereka akan bebas melanggar hukum tanpa batas di luar dari kelas-kelas tersebut,” ujar beliau ketika dihubungi.

Tambahnya, perkara utama

adalah pendidikan agama kerana orang yang berilmu takut kepada Allah kerana apabila seseorang mengenali Allah, akan timbul rasa takut di dalam diri.

“Terdapat sesetengah ibu bapa yang terlalu bersifat terbuka (*open-minded*) di dalam mendidik. Golongan seperti ini tidak menetapkan peraturan untuk mendisiplinkan anak.

“Malah mereka juga mementingkan kebebasan daripada memupuk sifat

kebertanggungjawaban anak-anak. Kajian menunjukkan kelebihan mendidik anak secara terbuka boleh memberikan kesan yang buruk apabila mereka membesar,” katanya.

Jelasnya, jika mengabaikan didikan agama, anak akan menjadi kurang beretika malah tidak berdisiplin seperti bebas untuk memilih masa tidur, membuat kerja rumah, memilih masa makan dan menonton televisyen.

“Selain itu, mereka juga gemar untuk membuat keputusan yang membahayakan diri sendiri dengan menentukan apa yang dilakukan tanpa perlu bertanya.

“Mereka juga berdepan dengan masalah emosi kerana kurang pengawalan serta suka mementingkan diri sendiri. Zaman gajet yang serba canggih ini memerlukan ibu bapa bijak dalam mendidik anak-anak.

“Malah kini ramai ibu bapa prihatin yang tercari-cari teknik terbaik untuk mendidik. Namun tidak ada cara lain yang lebih baik selain cara yang telah ditunjuk ajar oleh Baginda Rasulullah SAW,” katanya. 

**MENJADI
tanggungjawab ibu
bapa untuk mendidik
anak dalam bab
agama.** - Gambar
hiasan



t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

**UNTUK MENDAPATKAN BERITA
DAN INFORMASI TERKINI!**

